Kursus ini meliputi geganti perlindungan, peranti geganti mudah, pengubah alatan, arus lebih, voltan kurang, perlindungan kebezaan dan jarak. Teknik pengautomatan pencawang, isyarat perlindungan dan perlindungan pandu juga dibincangkan. Perlindungan menyeluruh bagi talian hantaran, penjana, pengubah, motor dan palang bas turut diterangkan.

This course covers protective relaying, simple protective devices, instrument transformers, overcurrent, undervoltage, differential and distance protection. Substation automation techniques, protection signaling and pilot protection are also discussed. Overall protection of transmission lines, generators, transformers, motors and busbars are described.

EEE3337 Penjanaan dan Penggunaan Kuasa Elektrik/ *Electrical Power Generation and Utilisation* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi kaedah penjanaan kuasa termasuk loji kuasa terma, hidro, disel, gas dan nuklear. Penggunaan kuasa elektrik dalam pencahayaan, proses elektrolitik, tarikan elektrik dan pemanasan elektrik dibincangkan.

This course covers methods of power generation including thermal, hydro, diesel, gas and nuclear power plants. The utilisation of electrical power in lighting, electrolytic process, electrical pulling and electrical heating are discussed.

EEE4339 Kendalian dan Kawalan Sistem Kuasa/ *Power System Operation and Control* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi penjanaan dan pemindahan tenaga dalam sistem kuasa, pengaliran kuasa reaktif, dan pengendalian berekonomi sistem kuasa. Untuk ini, kaedah kawalan sistem kuasa, perakaunan tenaga dalam pengendalian saling bersambung, perhubungan dalam sistem kuasa termasuk sistem kawalan pengawasan dan pengambilan data (SCADA) dibincangkan.

The course covers the production and transfer of energy in power systems, flow of reactive power, and economic operation of power systems. For these, power system control methods, energy accounting on interconnected operations, communications in power systems, which include supervisory control and data acquisition (SCADA) system are discussed.

EEE4331 Kualiti Kuasa Elektrik/ *Electric Power Quality* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi istilah kualiti kuasa elektrik dan punca masalah kualiti kuasa elektrik seperti kejatuhan dan gangguan voltan, fana voltan lampau, harmonik dan perbezaan voltan bagi jangka

masa panjang. Kajian tentang pendawaian dan pembedaan serta kaedah memantau kualiti kuasa juga diberi penekanan.

This course covers definition of electric power quality, and sources of power quality problems such as voltage sags and interruption, transient overvoltages, harmonics, and long-duration voltage variations. Studies on wiring and grounding techniques to overcome power quality problems as well as method of monitoring of power quality are emphasised.

EEE4301 Penukar Elektronik Kuasa/ *Power Electronics Converters* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada reka bentuk dan analisis penukar elektronik, penggunaan dan kawalannya. Ia merangkumi peranti kuasa pensuisan, ciri-ciri dan kadarannya, kawalan kuasa DC dan AC, penukar 6-denyut dan 12-denyut, reka bentuk dan penggunaan penukar dengan menggunakan pakej perisian.

This course focuses on the design and analysis of electronic converters, their applications and control. It covers switching power devices, their characteristics and ratings, control of DC and AC power, 6-pulse and 12-pulse converters, design and application of converters using software packages.

EEE4332 Pengurusan Projek Dalam Industri Kuasa/ *Project Management in Power Industry* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pemahaman tentang pengurusan projek di dalam industri kuasa dengan tumpuan khusus sebagai panduan kepada fungsi, tugas dan tanggungjawab Jurutera Elektrik Kuasa berhubung dengan rekabentuk, penyeliaan dan pentadbiran projek kejuruteraan elektrik. Pelaksanaan tugas pengurusan projek berdasarkan kepada panduan persatuan/pihak berkuasa Malaysia dan antarabangsa dan juga kepada arahan tambahan yang dikeluarkan oleh klien.

This course covers the understanding of project management in power industry with a special emphasis as a guide to the functions, duties and responsibilities of Electrical Power Engineers regarding the design, supervision and administration of electrical engineering projects. Execution of project management tasks in accordance with the Malaysian professional association/authority and international guidelines and with such supplementary instructions issued by the client.

EEE4333 Analisis Sistem Kuasa Lanjutan / *Advanced Power System Analysis* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan untuk memupuk keyakinan dan kefahaman konsep-konsep analisis sistem kuasa. Perancangan, operasi dan kawalan sistem yang berskala besar memerlukan teknik-teknik berasaskan komputer termaju dijelaskan melalui contoh berangka sepanjang kursus ini. Aplikasi kepintaran buatan dalam analisis sistem kuasa akan dibincangkan secara ringkas.

This course focuses to instill confidence and understanding of those concepts of power system analysis. Proper planning, operation and control of such large-scale systems require advanced computer-based techniques are explained by means of numerical example throughout this course. Application of artificial intelligence in power system analysis will be discussed in brevity.

EEE4334 Kejuruteraan Voltan Tinggi dan Penyelarasan Penebat/ *High Voltage Engineering and Insulation Coordination* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep kerosakan elektrik di dalam pelbagai bahan dan jenis-jenis voltan-lebihan. Bagi melindungi kerosakan elektrik dan voltan lebihan, pemantauan keadaan dan pengurusan peralatan juga dibincangkan.

This course covers the concept of electrical breakdown in various materials and types of voltage-over. In order to protect electrical damage and excess voltage, condition monitoring and equipment management are also discussed.

EEE4336 Rekabentuk Pendawaian Elektrik/ *Electrical Wiring Design* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi reka bentuk pendawaian elektrik daripada sistem pengagihan kuasa. Spesifikasi pendawaian, sistem perlindungan, pendawaian litar khas dan motor elektrik ditekankan dalam mereka bentuk sistem pendawaian.

This course covers electrical wiring design from power system distribution. Wiring specification, protection system, special circuit and electric motor wiring are emphasised in designing the wiring system.

EEE4433 Reka Bentuk Sistem Kawalan/ *Control System Design* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi proses dinamik dan reka bentuk sistem kawalan dalam domain masa dan frekuensi. Analisis kestabilan Lyapunov diperkenalkan. Analisis dan reka bentuk terbantu komputer juga diperkenalkan

This course covers dynamic process and design of control system in time and frequency domains. Lyapunov stability analysis is introduced. Computer aided analysis and design are also introduced.

EEE4434 Sistem Kawalan Pintar/ *Intelligent Control System* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pelbagai algoritma sistem kawalan cerdas. Perbandingan antara kawalan moden dan klasik dibincangkan. Teknik pengkomputeran lembut seakan biologi manusia dan penaaakulan manusia diperkenalkan.

This course covers various intelligent control system algorithms. Comparison between modern and classical control is outlined. Soft-computing techniques that mimic biological systems and human reasoning are introduced.

EEE4435 Sistem Kawalan Terbenam/ *Embedded Control System* 3 (3+0)

Prasyarat : EEE3881

Kursus ini meliputi perisian dan perkakasan bagi sistem terbenam. Topik yang dibincangkan termasuk konsep dan reka bentuk sistem masa nyata serta isu berkaitan reka bentuk sistem terbenam.

This course covers software and hardware for embedded system. Topics discussed include real time system concept and design, and embedded system design issues.

EEE4436 Kawalan Proses Industri/ *Industrial Process Control* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip kawalan, jenis kawalan, elemen asas bagi komponen sistem, pengukuran, manipulasi, ciri proses, kawalan proses berterusan dan reka bentuk pengawal. Aplikasi praktikal sistem kawalan ditekankan dalam tugas.

This course covers principles of control, control types, basic elements for systems component, measurement, manipulation, processes characteristics, continuous process control and controller design. Practical applications of control system are emphasised in assignments.

EEE4437 Sistem Kawalan Pelbagai Pembolehubah/ *Multivariable Control Systems* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi persamaan lurus dan matriks, sistem dinamik ruang keadaan masa berterusan dan diskret, reka bentuk pengawal dan penganggar, kawalan optima dan aplikasi sistem pelbagai pembolehubah. Aplikasi praktikal sistem kawalan ditekankan dalam tugas.

The course covers linear equations and matrices, continuous and discrete time state-space dynamic systems, controller and estimator design, optimal control and application of multivariable system. Practical applications of control system are emphasised in assignments.

ECC4307 Robot Berautonomi/ *Autonomous Robots* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pengenalan kepada robot, penderia, pengukuran dan persepsi, lokasi objek, posisi manipulator, pergerakan manipulator, rancangan tugas dan pembelajaran robot. Pengaturcaraan robot dan pergerakan robot akan dibincangkan untuk memahami teori. Aplikasi robot berautonomi akan dibincangkan bagi memahami konsep yang diberi.

This course covers introduction to robot, sensor, measurement and perception, object location, manipulator position, manipulator movement, task planning, and robotics learning. Robot programming and robot movement will be discussed to explore the theory. The applications of autonomous robot will be discussed as well to understand the given concept.

ENG4911 Latihan Industri/ *Industrial Training* 5 (0+5)

Prasyarat : Pelajar perlu melengkapkan 6 semester terlebih dahulu

Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar di industri/organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal yang telah dipelajari dengan amalan semasa di tempat kerja. Kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi turut diberi penekanan.

In this course, students are exposed to real working environment in industries/organizations. Training includes application of the theoretical and practical aspects that have been studied with current practices in the workplace. Problem solving and communication skills are also emphasized.

EEE4947	Projek Reka Bentuk Bersepadu: Sistem Elektrik dan Elektronik/ <i>Electrical and Electronic System: Integrated Design Project</i>	4 (0+4)
---------	---	---------

Prasyarat : Pelajar tahun akhir

Kursus ini memberi tumpuan kepada projek reka bentuk capstone berorientasikan pasukan untuk kejuruteraan sistem elektrik dan elektronik pelbagai disiplin. Ini merangkumi aspek perancangan dan pelaksanaan projek termasuk pemilihan tajuk, melaksanakan kajian kritis dan mengamalkan etika kejuruteraan, kajian pasaran dan analisis kos, pembangunan dan pengujian prototaip, dokumentasi dan pembentangan hasil projek.

The course focuses on team-oriented capstone design project for multi-disciplinary electric and electronic engineering. It covers the aspect of planning and executing project include title selection, conducting critical review and practice engineering ethics, market survey and cost analysis, prototype development and testing, documentation and presentation of project output.

EEE4949	Projek Bachelior/ <i>Bachelor's Project</i>	6 (0+6)
---------	---	---------

Prasyarat : Pelajar tahun akhir

Kursus ini merangkumi aspek perancangan dan pelaksanaan projek. Ini termasuklah memilih tajuk, melaksanakan kajian kritis, mereka bentuk dan melaksanakan strategi kerja, mengumpul dan menganalisis data, serta mendokumentasi dan membentangkan hasil projek.

This course covers the aspects of planning and executing project. These include title selection, conducting critical review, designing and performing work strategy, collecting and analysing data, documenting and presenting project output.

**Bachelor Kejuruteraan Kimia
dengan Kepujian/**

***Bachelor of Chemical
Engineering with Honours***

STRUKTUR KURIKULUM/ CURRICULUM STRUCTURE

- Nama Program** : **Bachelor Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian/ *Bachelor of Chemical Engineering with Honours***
- Jumlah Kredit Bergraduat** : **137 Jam Kredit/ *Credit Hours***
- Tempoh Pengajian** : **8 Semester/ *Semesters* (4 Tahun/ *Years*)**
- Matlamat Program** : Matlamat program (PEO) bagi program Bachelor Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian adalah untuk melahirkan jurutera yang:
- berpengetahuan tinggi dalam bidang kejuruteraan kimia, berkemahiran, beretika, dan kompeten untuk bekerja dalam industri
 - kreatif, inovatif, dan bertanggungjawab terhadap kelestarian masyarakat dan persekitaran.
 - berdaya saing di peringkat global di samping meneruskan penyelidikan dan pembelajaran sepanjang hayat
 - mempunyai pengetahuan dan keupayaan dalam menyelesaikan masalah dan mereka bentuk peralatan proses terkini untuk mana-mana bidang spesifik dalam kejuruteraan kimia.

RINGKASAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Program													
	EAC 1	EAC 2	EAC 3	EAC 4	EAC 5	EAC 6	EAC 7	EAC 8	EAC 9	EAC 10	EAC 11	EAC 12	EAC 13
Bachelor Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian	35	14	15	16	12	5	6	9	16	17	6	12	4

Kursus Umum/ *General Courses* (20 kredit/*credits*)

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T	PRASYARAT/ PREREQUISITE
SKP2101*	Kenegaraan Malaysia/ <i>Malaysian Nationhood</i>	3	3	0	Tiada/ None
FEM2401**	Politik Malaysia Dan Masyarakat/ <i>Malaysian Politics and Society</i>	2	2	0	Tiada/ None
SKP3112*	Falsafah dan Isu Semasa/ <i>Philosophy and Current Issues</i>	2	2	0	Tiada/ None
SKP3113**	Falsafah dan Isu Semasa Masyarakat Sivil/ <i>Philosophy and Current Issues in Civil Society</i>	3	3	0	Tiada/ None
ATAU / OR					
SKP3123**	Penghayatan Etika dan Peradaban di Malaysia/ <i>Internalization of Ethics and Civilization in Malaysia</i>	3	3	0	Tiada/ None
SKP3122*	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Internalization of Ethics and Civilization</i>	2	2	0	Tiada/ None
LPM2100**	Bahasa Melayu Komunikasi/ <i>Malay Language Communication</i>	2	2	0	Tiada/ None
PRT2009	Pertanian dan Kehidupan/ <i>Agriculture and Life</i>	2	1	1	Tiada/ None
LPE2301	<i>Academic Interaction and Presentation</i>	3	3	0	LPE2401/MUET Band 3 / 4
LPE2501	<i>Academic Writing</i>	3	3	0	LPE2301
QK*****	Kokurikulum/ <i>Co-curriculum</i>	1	0	1	Tiada/ None
QK*****	Kokurikulum/ <i>Co-curriculum</i>	1	0	1	Tiada/ None
ENG3102	Ekonomi Kejuruteraan / <i>Engineering Economy</i>	3	3	0	Tiada/ None

Nota/ Notes : * - untuk pelajar tempatan / *for local student*;
 ** - untuk pelajar antarabangsa/ *for international student*.

Kursus Teras/ *Core Courses* (102 kredit/ *credits*)

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T	PRASYARAT/ PREREQUISITE
ECH3122	Kimia Kejuruteraan / <i>Engineering Chemistry</i>	3	3	0	Tiada/None
ECH3123	Keseimbangan Bahan / <i>Material Balance</i>	3	3	0	Tiada/None
ECH3124	Keseimbangan Tenaga / <i>Energy Balance</i>	3	2	1	ECH3123
ECH3125	Proses Pemindahan Haba dan Jisim / <i>Heat and Mass Transfer Processes</i>	4	4	0	Tiada/None

ECH3126	Unit Operasi / <i>Unit Operation</i>	3	3	0	ECH3123
ECH3127	Proses Pemisahan Fizikal / <i>Physical Separation Processes</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH3128	Kaedah Berangka dan Proses Pengoptimuman / <i>Numerical Method and Optimisation Process</i>	3	2	1	ENG3001
ECH3129	Termodinamik Kejuruteraan Kimia / <i>Chemical Engineering Thermodynamics</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH3130	Kawalan Proses dan Instrumentasi / <i>Process Control and Instrumentation</i>	4	3	1	ENG3002
ECH3202	Kejuruteraan Biokimia / <i>Biochemical Engineering</i>	3	2	1	Tiada/ <i>None</i>
ECH3401	Sains dan Kejuruteraan Bahan / <i>Material Science and Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH3502	Kejuruteraan Kawalan Pencemaran / <i>Pollution Control Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH3605	Taksiran Risiko dan Keselamatan / <i>Safety and Risk Assessment</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH3707	Kinetik Tindak Balas Kejuruteraan Kimia / <i>Reaction Kinetics and Reactor Design</i>	3	3	0	ECH3123
ECH3708	Projek Bersepadu / <i>Integrated Project</i>	1	0	1	ECH3124
ECH3709	Reka Bentuk Proses dan Loji / <i>Process and Plant Design</i>	4	2	2	ECH3126
ECH3908	Amali Kejuruteraan Kimia I / <i>Chemical Engineering Laboratory I</i>	1	0	1	Tiada/ <i>None</i>
ECH3909	Amali Kejuruteraan Bahan / <i>Material Engineering Laboratory</i>	1	0	1	Tiada/ <i>None</i>
ECH3910	Amali Kejuruteraan Kimia II / <i>Chemical Engineering Laboratory II</i>	1	0	1	ECH3908
ECH3911	Amali Kejuruteraan Kimia III / <i>Chemical Engineering Laboratory III</i>	1	0	1	ECH3910
ECH4311	Reka Bentuk dan Integrasi Proses / <i>Process Design and Integration</i>	3	3	0	ECH3125
ECH4513	Kejuruteraan Hijau / <i>Green Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4948	Projek Reka Bentuk Bersepadu Loji Kimia / <i>Integrated Design Project of Chemical Plant</i>	4	0	4	ECH3709
EMM3226	Termodinamik I / <i>Thermodynamics I</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
EMM3316	Mekanik Bendalir I / <i>Fluid Mechanics I</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ENG3001	Matematik Kejuruteraan I / <i>Engineering Mathematics I</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ENG3002	Matematik Kejuruteraan II / <i>Engineering Mathematics II</i>	3	3	0	ENG3001
ENG3004	Statistik Kejuruteraan / <i>Engineering Statistics</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>

ENG3101	Seminar Kejuruteraan / <i>Engineering Seminar</i>	1	0	1	Tiada/ <i>None</i>
ENG3103	Pengurusan Projek / <i>Project Management</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ENG3104	Jurutera dan Masyarakat / <i>Engineers and Society</i>	3	2	1	Tiada/ <i>None</i>
ENG3201	Lukisan Kejuruteraan Berbantu Komputer / <i>Computer Aided Engineering Drawing</i>	3	1	2	Tiada/ <i>None</i>
ENG3202	Pengaturcaraan Komputer / <i>Computer Programming</i>	3	2	1	Tiada/ <i>None</i>
ENG4901	Latihan Industri / <i>Industrial Training</i>	5	0	5	Selesai semester 6 / <i>Complete semester 6</i>
ENG4949	Projek Bachelar / <i>Bachelor Project</i>	6	0	6	Pelajar Tahun Akhir / <i>Final Year Student</i>

Kursus Elektif (15 kredit/ *credits*)

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T	PRASYARAT/ PREREQUISITE
ECH4206	Reka Bentuk Kejuruteraan Bio-Tindak Balas / <i>Bioreaction Engineering Design</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4207	Kejuruteraan Metabolik / <i>Metabolic Engineering</i>	3	3	0	ECH3202
ECH4208	Bionanoteknologi / <i>Bionanotechnology</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4209	Proses Pemulihan / <i>Recovery Process</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4210	Kejuruteraan Farmaseutikal / <i>Pharmaceutical Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4309	Kejuruteraan Petroleum dan Gas Asli / <i>Petroleum and Natural Gas Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4310	Mekanik Bendalir Lanjutan Untuk Jurutera Kimia / <i>Advanced Fluid Mechanics for Chemical Engineers</i>	3	3	0	EMM3316
ECH4312	Kejuruteraan Proses dan Produk / <i>Process and Product Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4313	Kawalan Proses Lanjutan / <i>Advanced Process Control</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4408	Kejuruteraan Polimer / <i>Polymer Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4409	Teknologi Zarah / <i>Particle Technology</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4410	Pemprosesan Bahan Nano / <i>Nanomaterials Processing</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4411	Kejuruteraan Elektrokimia / <i>Electrochemical Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>

ECH4412	Analisis Bahan / <i>Materials Analysis</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4510	Pengurusan Sisa Pepejal / <i>Solid Waste Management</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4511	Pengurusan Risiko Atmosfera / <i>Atmospheric Risk Management</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4512	Pengurusan dan Utilisasi Sisa / <i>Management and Utilization of Waste</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4514	Tenaga Boleh Diperbaharui / <i>Renewable Energy</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4515	Kejuruteraan Air Sisa / <i>Wastewater Engineering</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4516	Pengurusan Sisa Toksik dan Berbahaya / <i>Toxic and Hazardous Waste Management</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4601	Analisis Bahaya dan Taksiran Risiko / <i>Hazard Analysis and Risk Assessment</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4602	Perlakuan dan Ralat Manusia / <i>Human Behaviour and Human Error</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
ECH4603	Sains Kebakaran dan Letupan / <i>Fire and Explosion Science</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>
EPF4610	Pemprosesan Minyak Kelapa Sawit / <i>Palm Oil Processing</i>	3	3	0	Tiada/ <i>None</i>

Nota/ Notes : Kr = Jam Kredit/ *Credit Hour*, K = Kuliah/ *Lecture*, A = Amali/ *Laboratory*, T = Tutorial

Nota Penting/Notes :

Pelajar diwajibkan memilih **2 kredit** daripada **kursus kokurikulum** yang ditawarkan oleh universiti/ It is compulsory for students to take **2 credits of co-curriculum courses** offered by the university

Pelajar perlu melengkapkan pakej keperluan bahasa Inggeris seperti jadual di bawah:

(Butiran lanjut mengenai CEL dan LAX sila rujuk di muka surat belakang buku panduan ini)

Students need to complete the english package as the table below:

(For more details on CEL and LAX please refer to the back/last page of this book).

MUET Band	TOEFL/IELTS Score	CIEP Level	Graduation Requirements for 4-year programmes
1 & 2	-	107	3 LPE + 3 CEL + 24 LAX points
3 & 4	TOEFL 500 - 599 IELTS 5.5 - 6.5	108 – 109	2 LPE + 2 CEL + 24 LAX points
5 & 6	TOEFL 600 - 677 IELTS 7.0 - 9.0	-	2 LPE + 1 CEL + 24 mata LAX atau 1 LPE + 1 CEL + 24 mata LAX (+1 bahasa global)

PELAN PENGAJIAN/ STUDY PLANTAHUN 1/ 1ST YEARSEMESTER1/ 1ST SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ECH3122	Kimia Kejuruteraan / <i>Engineering Chemistry</i>	3	3	0
ECH3123	Keseimbangan Bahan / <i>Material Balance</i>	3	3	0
ENG3001	Matematik Kejuruteraan I/ <i>Engineering Mathematics I</i>	3	3	0
ENG3004	Statistik Kejuruteraan / <i>Engineering Statistics</i>	3	3	0
ENG3101	Seminar Kejuruteraan / <i>Engineering Seminar</i>	1	0	1
SKP2101*	Kenegaraan Malaysia/ <i>Malaysian Nationhood</i>	3	3	0
FEM2401**	Politik Malaysia Dan Masyarakat/ <i>Malaysian Politics and Society</i>	2	2	0
QKXXXXX	Kokurikulum/Co-curriculum	1	0	1
JUMLAH/ TOTAL		17* / 16**	15* / 14**	2

Nota/ Notes : * - untuk pelajar tempatan / *for local student*;** - untuk pelajar antarabangsa/ *for international student*.SEMESTER 2/ 2ND SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ECH3124	Keseimbangan Tenaga / <i>Energy Balance</i>	3	2	1
ENG3002	Matematik Kejuruteraan II / <i>Engineering Mathematics II</i>	3	3	0
EMM3316	Mekanik Bendalir I / <i>Fluid Mechanics I</i>	3	3	0
ENG3201	Lukisan Kejuruteraan Berbantu Komputer / <i>Computer Aided Engineering Drawing</i>	3	1	2
LPE2301	<i>Academic Interaction and Presentation</i>	3	3	0
SKP3112*	Falsafah dan Isu Semasa/ <i>Philosophy and Current Issues</i>	2	2	0
SKP3113**	Falsafah dan Isu Semasa Masyarakat Sipil/ <i>Philosophy and Current Issues in Civil Society</i>	3	3	0
ATAU / OR SKP3123**	Penghayatan Etika dan Peradaban di Malaysia/ <i>Internalization of Ethics and Civilization in Malaysia</i>	3	3	0
QKXXXXX	Kokurikulum/Co-curriculum	1	0	1
JUMLAH/ TOTAL		18*/ 19**	14*/ 15**	4

Nota/ Notes : * - untuk pelajar tempatan / *for local student*;

**** - untuk pelajar antarabangsa/ for international student.**

TAHUN 2/ 2ND YEAR

SEMESTER1/ 1ST SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ECH3125	Proses Pemindahan Haba dan Jisim / <i>Heat and Mass Transfer Processes</i>	4	4	0
ECH3908	Amali Kejuruteraan Kimia I / <i>Chemical Engineering Laboratory I</i>	1	0	1
ENG3202	Pengaturcaraan Komputer / <i>Computer Programming</i>	3	2	1
EMM3226	Termodinamik I / <i>Thermodynamics I</i>	3	3	0
ENG3102	Ekonomi Kejuruteraan / <i>Engineering Economy</i>	3	3	0
ECH3502	Kejuruteraan Kawalan Pencemaran / <i>Pollution Control Engineering</i>	3	3	0
JUMLAH/ TOTAL		17	15	2

SEMESTER 2/ 2ND SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ECH3129	Termodinamik Kejuruteraan Kimia / <i>Chemical Engineering Thermodynamics</i>	3	3	0
ECH3126	Unit Operasi / <i>Unit Operation</i>	3	3	0
ECH3128	Kaedah Berangka dan Proses Pengoptimuman / <i>Numerical Method and Optimisation Process</i>	3	2	1
ECH3708	Projek Bersepadu / <i>Integrated Project</i>	1	0	1
ECH3910	Amali Kejuruteraan Kimia II / <i>Chemical Engineering Laboratory II</i>	1	0	1
SKP3122*	Penghayatan Etika dan Peradaban / <i>Internalization of Ethics and Civilization</i>	2	2	0
LPM2100**	Bahasa Melayu Komunikasi / <i>Malay Language Communication</i>	2	2	0
LPE2501	<i>Academic Writing</i>	3	3	0
JUMLAH/ TOTAL		16	13	3

Nota/ Notes : * - untuk pelajar tempatan / *for local student*;

** - untuk pelajar antarabangsa/ *for international student*.

TAHUN 3/ 3RD YEAR

SEMESTER1/ 1ST SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ECH3130	Kawalan Proses dan Instrumentasi / <i>Process Control and Instrumentation</i>	4	3	1
ECH3127	Proses Pemisahan Fizikal / <i>Physical Separation Processes</i>	3	3	0
ECH3202	Kejuruteraan Biokimia / <i>Biochemical Engineering</i>	3	2	1
ENG3103	Pengurusan Projek / <i>Project Management</i>	3	3	0
ECH3707	Kinetik Tindak Balas Kejuruteraan Kimia / <i>Reaction Kinetics and Reactor Design</i>	3	3	0
ECH3911	Amali Kejuruteraan Kimia III / <i>Chemical Engineering Laboratory III</i>	1	0	1
JUMLAH/ TOTAL		17	14	3

SEMESTER 2/ 2ND SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ECH3401	Sains dan Kejuruteraan Bahan / <i>Material Science and Engineering</i>	3	3	0
ECH3605	Taksiran Risiko dan Keselamatan / <i>Safety and Risk Assessment</i>	3	3	0
ECH3709	Reka Bentuk Proses dan Loji / <i>Process and Plant Design</i>	4	2	2
ECH3909	Amali Kejuruteraan Bahan / <i>Material Engineering Laboratory</i>	1	0	1
ENG3104	Jurutera dan Masyarakat / <i>Engineers and Society</i>	3	2	1
PRT2009	Pertanian dan Kehidupan/ <i>Agriculture and Life</i>	2	1	1
JUMLAH/ TOTAL		16	11	5

TAHUN 4/ 4TH YEARSEMESTER 1/ 1ST SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ENG4901***	Latihan Industri / <i>Industrial Training</i>	5	0	5
ENG4949A	Projek Bacelor / <i>Bachelor Project</i>	2	0	2
ECH4948	Projek Reka Bentuk Bersepadu Loji Kimia / <i>Integrated Design Project of Chemical Plant</i>	4	0	4
ECH4311	Reka Bentuk dan Integrasi Proses / <i>Process Design and Integration</i>	3	3	0
EXX4XXX	Elektif / <i>Elective</i>	3	3	0
EXX4XXX	Elektif / <i>Elective</i>	3	3	0
JUMLAH/ TOTAL		20	9	

Nota/ Notes : ***- ENG4901 Latihan Industri selama 10 minggu sewaktu cuti antara semester 6 dan 7/
ENG4901 Industrial Training for 10 weeks during break between Semester 6 and 7

SEMESTER 2/ 2ND SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A/T
ENG4949B	Projek Bacelor / <i>Bachelor Project</i>	4	0	4
ECH4513	Kejuruteraan Hijau/ <i>Green Engineering</i>	3	3	0
EXX4XXX	Elektif / <i>Elective</i>	3	3	0
EXX4XXX	Elektif / <i>Elective</i>	3	3	0
EXX4XXX	Elektif / <i>Elective</i>	3	3	0
JUMLAH/ TOTAL		16	12	4

SINOPSIS KURSUS/ COURSE SYNOPSIS

Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar/ Department of Chemical & Environmental Engineering

ECH3122 Kimia Kejuruteraan/ *Engineering Chemistry* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi aspek asas kimia fizikal, organik dan tak organik. Ini termasuk teori atom dan molekul, jadual berkala dan sifat berkala, unsur-unsur kumpulan utama, teori ikatan, sifat-sifat gas, cecair, dan pepejal, keseimbangan kimia, tindak balas kimia dan kimia organik.

This course covers basic aspects of physical, organic and inorganic chemistry. This includes theory of atom and molecule, periodic table and periodic properties, main group elements, theory of bonding, properties of gas, liquid, and solid, chemical equilibrium, chemical reactions and organic chemistry

ECH3123 Keseimbangan Bahan/ *Material Balance* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi prinsip asas kejuruteraan kimia dan industri proses. Teknik pengiraan, pengetahuan berkaitan stoikiometri serta tindakbalas kimia dalam proses serta penggunaan perisian dalam pengiraan berasaskan imbalan bahan ditekankan. Kursus ini membina keupayaan pelajar mereka bentuk proses spesifik dan loji pemprosesan.

This course covers the chemical engineering principles and process industries. The calculation techniques, knowledge related to stoichiometry and chemical reactions in processes as well as the use of software in calculating material balances are emphasized. The course develops students' ability to design specific process and the processing plant.

ECH3124 Keseimbangan Tenaga/ *Energy Balance* 3 (2+1)

Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3123

Kursus ini meliputi prinsip asas kejuruteraan kimia dan industri proses. Teknik pengiraan, pengetahuan berkaitan stoikiometri serta tindakbalas kimia dalam proses serta penggunaan perisian dalam pengiraan berasaskan imbalan bahan dan tenaga ditekankan. Kursus ini membina keupayaan pelajar mereka bentuk proses spesifik dan loji proses.

This course covers the chemical engineering principles and process industries. The calculation techniques, knowledge related to stoichiometry and chemical reactions in processes as well as the use of software in calculating material and energy balances are emphasized. The course develops students' ability to design specific process and the processing plant.

ECH3125 Proses Pemindahan Haba dan Jisim/ *Heat and Mass Transfer Processes* 4 (4+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi prinsip penting pemindahan jisim dan haba dalam proses kejuruteraan kimia. Pelbagai mod pemindahan jisim dan haba dibincangkan dan digunakan dalam reka bentuk unit pemindahan haba.

This course encompasses the importance principles of mass and heat transfer in chemical engineering processes. Various mode of mass and heat transfer are discussed and applied in heat transfer unit design.

- ECH3126 Unit Operasi/ *Unit Operation* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3123
- Kursus ini meliputi huraian prinsip pemindahan jisim yang berlaku dalam pelbagai fasa. Konsep dan kaedah reka bentuk unit operasi pemindahan jisim dirangkumi.
- This course covers the descriptions on mass transfer principles that occur in various phases. The conceptual design and methods of mass transfer unit operations are included.*
-
- ECH3127 Proses Pemisahan Fizikal/ *Physical Separation Processes* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*
- Kursus ini meliputi prinsip, operasi dan reka bentuk proses pemisahan dalam kejuruteraan kimia. Keseimbangan bahan, proses pemindahan haba dan jisim serta teknologi kejuruteraan yang berkaitan dirangkumi.
- This course covers the principle, operation and design of separation processes in chemical engineering. Material balances, heat and mass transfer processes and related engineering technologies are included.*
-
- ECH3128 Kaedah Berangka dan Proses Pengoptimuman/ *Numerical Method and Optimisation Process* 3 (2+1)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : ENG3001
- Kursus ini meliputi konsep kaedah berangka dan pengoptimuman proses di dalam masalah kejuruteraan kimia dengan membina algoritma pengiraan menggunakan bahasa pengaturcaraan aras tinggi. Konsep seperti kejituan dan kestabilan algoritma serta analisis ralat dan pertemuan diperkenalkan.
- This course encompasses the concepts of numerical techniques and optimization process in chemical engineering problems by constructing computational algorithm using high level programming language. Concepts such as algorithm accuracy and stability as well as error and convergence analysis are introduced.*
-
- ECH3129 Termodinamik Kejuruteraan Kimia/ *Chemical Engineering Thermodynamics* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*
- Kursus ini meliputi aplikasi konsep termodinamik, kriteria dan tingkah laku bahan dalam aplikasi kejuruteraan kimia. Sifat isipadu bahan tulen, sifat termodinamik pelbagai fasa dan konsep keseimbangan kimia dibincangkan.
- This course covers the application of thermodynamics concepts as well as criteria and behaviors of substances in chemical engineering applications. Volumetric properties of pure substances, thermodynamics properties of various phases and chemical equilibrium concepts are discussed.*
-
- ECH3130 Kawalan Proses dan Instrumentasi/ *Process Control and Instrumentation* 4 (3+1)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : ENG3002
- Kursus ini meliputi konsep dan mekanisme kawalan dan dinamik proses kimia yang mencakupi model teori, kelakuan dinamik sistem gelung terbuka dan tertutup, ujian kestabilan pengawal dan kaedah penalaan pengawal PID. Strategi kawalan dan instrumentasi proses diberi penekanan.
- This course covers the concepts and mechanisms of chemical process control and dynamics which include theoretical models, dynamic behaviors of open and closed-loop systems, controller stability*

testing and PID controller tuning methods. Control strategies and process instrumentation are emphasized.

ECH3202 Kejuruteraan Biokimia/ *Biochemical Engineering* 3 (2+1)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi hubungan dan aplikasi sistem biologi dalam kejuruteraan biokimia dan industri yang berkaitan. Konsep sistem biologi konvensional dan proses hiliran diintegrasikan dengan konsep reka bentuk kejuruteraan dalam penghasilan bioproduk.

This course covers the relationship and applications of biological system in biochemical engineering and related industries. The concepts of conventional biological systems and downstream processing are integrated with engineering design in the production of bioproduct.

ECH3401 Sains dan Kejuruteraan Bahan/ *Material Science and Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi pengenalan kepada konsep molekul dan ikatan, konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah static, sifat dan jenis bahan, serta isu berkaitan kejuruteraan dan sains bahan. Kursus ini merangkumi bahan termaju dan isu ekonomi, awam dan alam sekitar.

This course covers the introduction to the concept of molecules and bonding, theories and methods of solving static problems, properties and types of materials, and issues related to engineering and material sciences. The course encompasses on advanced materials and the issues of economy, society and environment.

ECH3502 Kejuruteraan Kawalan Pencemaran/ *Pollution Control Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi prinsip kejuruteraan alam sekitar serta aspek pengurusan yang berkaitan. Ciri dan jenis pencemar, kesannya terhadap alam sekitar dan kesihatan serta kaedah rawatan yang diperlukan dibincangkan.

This course covers the principles of environmental engineering and related management aspects. The characteristics and types of pollutants, their effects to the environment and health and the required treatment methods are discussed.

ECH3605 Taksiran Risiko dan Keselamatan/ *Safety and Risk Assessment* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi konsep keselamatan dan taksiran risiko di loji kimia. Kesedaran dan pengetahuan berkaitan kemalangan yang boleh berlaku dalam premis industri, bahaya bahan proses, teknik pengesanan dan analisis bahaya, serta reka bentuk keselamatan diterapkan.

This course covers the concept of safety and risk assessment in chemical plants. Awareness and knowledge related to accidents that can occur in industrial premises, the dangers of process materials, hazards identification and analysis techniques, and safety design are embedded.

ECH3707 Kinetik Tindak Balas Kejuruteraan Kimia/ *Reaction Kinetics and Reactor Design* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3123

Kursus ini meliputi konsep asas kinetik tindakbalas dan reka bentuk reaktor. Kandungan utama yang dibincangkan termasuk jenis dan analisis reaktor, konsep reka bentuk reaktor untuk pelbagai sistem dan sistem tindakbalas bermangkin dan tanpa mangkin.

This course covers the basic concepts in reaction kinetics and reactor design. Main contents discussed include types and analysis of reactors, design concepts of reactors for various systems and reaction systems with and without catalysts.

ECH3708 Projek Bersepadu/ *Integrated Project* 1 (0+1)

Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3124

Kursus ini meliputi reka bentuk unit operasi kejuruteraan kimia menggunakan pakej perisian. Aplikasi prinsip kejuruteraan kimia termasuk analisis imbangan jisim dan tenaga, prinsip proses pemisahan dan analisis kos ditekankan.

This course encompasses the design of chemical engineering operation unit using software packages. The application of chemical engineering principles including mass and energy balance analysis, separation process principles and costing analysis are emphasized.

ECH3709 Reka Bentuk Proses dan Loji/ *Process and Plant Design* 4 (2+2)

Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3126

Kursus ini meliputi konsep reka bentuk loji kejuruteraan kimia yang merangkumi reka bentuk proses dan peralatan, reka bentuk mekanikal dan pemilihan peralatan. Penilaian aspek keselamatan, analisis kepekaan dan penilaian terhadap kebolehlaksanaan ekonomi kejuruteraan turut ditekankan.

This course encompasses chemical engineering plant design concepts that include process and equipment design, mechanical design and equipment selection. Safety evaluation, sensitivity analysis and engineering economic feasibility study are also emphasized.

ECH3908 Amali Kejuruteraan Kimia II/ *Chemical Engineering Laboratory I* 1 (0+1)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/None

Kursus ini meliputi aplikasi asas kejuruteraan kimia yang berkaitan dengan mekanik bendalir dan termodinamik. Kaedah mengukur, merekod dan menganalisa data serta memanipulasi parameter eksperimen ditekankan.

This course covers the basic applications of chemical engineering fundamentals related to fluid mechanics and thermodynamics. Measuring, recording and analyzing data as well as manipulating experimental parameters are emphasized.

ECH3909 Amali Kejuruteraan Bahan/ *Material Engineering Laboratory* 1 (0+1)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/None

Kursus ini meliputi kaedah pengoperasian peralatan analitikal yang digunakan untuk pencirian dan analisa bahan. Kaedah menentukur alatan turut dilaksanakan.

This course covers the operating methods for analytical equipment that are used to do material analyses and characterizations. Methods used to calibrate equipment are also conducted.

ECH3910 Amali Kejuruteraan Kimia II/ *Chemical Engineering Laboratory II* 1 (0+1)

Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3908

Kursus ini meliputi fenomena pemindahan haba dan jisim yang berlaku dalam pelbagai unit operasi kejuruteraan kimia. Kaedah mengukur, merekod dan menganalisis data serta memanipulasi parameter eksperimen turut ditekankan.

This course covers the heat and mass transfer phenomena that occur in various chemical engineering unit. Measuring, recording and analyzing data as well as manipulating experimental parameters are also emphasized.

ECH3911 Amali Kejuruteraan Kimia III/ *Chemical Engineering Laboratory III* 1 (0+1)

Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3910

Kursus ini meliputi analisis ke atas fenomena pemisahan jisim yang berlaku dalam unit operasi kejuruteraan kimia. Tindakbalas kimia yang berlaku dalam pelbagai jenis reaktor dirangkumi.

This course covers the analyses on mass separation phenomena occurs in chemical engineering unit operations. Chemical reactions that occur in various reactors are encompassed.

ECH4206 Reka Bentuk Kejuruteraan Bio-Tindak Balas/ *Bioreaction Engineering Design* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/None

Kursus ini meliputi topik berkaitan kejuruteraan bio-tindak balas, pembangunan strain, dan teknik imobilisasi dalam bioreaktor. Prinsip dan konsep reka bentuk bioreaktor, sistem kawalan, prinsip fenomena angkutan yang melibatkan pemindahan haba dan jisim dijelaskan.

This course covers the topics on bioreaction engineering, strain development, and immobilization techniques in bioreactor. The principles and concept of bioreactor design, control system, transport phenomena principles that encompasses heat and mass transfer are elucidated.

ECH4207 Kejuruteraan Metabolik/ *Metabolic Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3202

Kursus ini merangkumi asas biomolekul dan laluan biosintetik, permodelan metabolik, fluks metabolik dan pengawalan. Aplikasi, kecenderungan terkini dalam amalan industri semasa, dan penilaian teknoeкономи dibincangkan.

This course covers the fundamentals of biomolecules and its biosynthetic pathways, metabolic modelling, metabolic flux and regulation. The application, emerging trends of current industrial practice and technoeconomic evaluation are discussed.

ECH4208 Bionanoteknologi/ *Bionanotechnology* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/None

Kursus ini meliputi aplikasi pengetahuan dari pelbagai disiplin untuk menyokong pemahaman berkenaan interaksi molekul yang berkaitan dengan bionanoteknologi serta teknik perincian molekul dan aplikasi terkini seperti biopengesanan, biobahan, bioanalitik dan lain-lain lagi.

This course covers the application of knowledge from various disciplines to support the understanding of molecular interactions related to bionanotechnology as well as molecular characterization and new applications such as biosensors, bionanomaterials, bioanalytics and others.

- ECH4209 Proses Pemulihan/ *Recovery Process* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*
- Kursus ini meliputi konsep pemulihan dan penulenan produk dari perspektif teknologi dan kejuruteraan. Penekanan terhadap prinsip, operasi dan aplikasi berkaitan pemprosesan hiliran, proses-proses pemulihan, operasi penulenan, serta proses penggilapan produk.
- This course covers the concept of recovery and product purification from technology and engineering perspectives. The principles, operations and applications of downstream processings, recovery processes, purification operations and product polishing processes are emphasized.*
-
- ECH4210 Kejuruteraan Farmaseutikal/ *Pharmaceutical Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*
- Kursus ini meliputi konsep asas kejuruteraan farmaseutikal yang merangkumi ciri kimia dan fizik produk farmaseutik, reka bentuk proses dan loji bahan farmaseutikal, serta penjagaan dan pematuhan kualiti loji dan produk farmaseutikal.
- This course covers the fundamental of pharmaceutical engineering including the physical and chemical properties of pharmaceutical products, the pharmaceutical plant and process design, as well as the quality assurance and compliance of pharmaceutical plant and its products.*
-
- ECH4309 Kejuruteraan Petroleum dan Gas Asli/ *Petroleum and Natural Gas Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*
- Kursus ini meliputi polisi dan perspektif menyeluruh berkaitan kedudukan industri petroleum dan gas dalam tren ekonomi masa kini. Huraian lengkap berkenaan dengan bahan suapan, produk, teknik pemprosesan, penghantaran dan pengedaran petroleum, gas asli dan produk berkaitan dari sumber sehingga ke pengguna dibincangkan.
- This course covers the policy and overall perspective of the position of petroleum and gas industry in the current economics trend. Detailed descriptions on the feedstocks, products, processing techniques, transportation and transmission of petrolea, natural gas and the associated products from the source to the consumers are discussed.*
-
- ECH4310 Mekanik Bendalir Lanjutan Untuk Jurutera Kimia/ *Advanced Fluid Mechanics for Chemical Engineers* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : EMM3316
- Kursus ini meliputi kaedah lanjutan mekanik bendalir kejuruteraan kimia. Huraian dan analisis berkaitan fenomena lapisan sempadan, aliran bendalir, penyelesaian hampir persamaan Navier-Stokes serta kaedah pengkomputeran diberi penekanan.
- This course covers the advanced chemical engineering fluid mechanics methods. Descriptions and analyses on boundary layer phenomena, fluid flows, approximations of Navier-Stokes equation as well as computational methods are emphasized.*
-
- ECH4311 Reka Bentuk dan Integrasi Proses/ *Process Design and Integration* 3 (3+0)
- Prasyarat/ *Prerequisite* : ECH3125
- Kursus ini meliputi konsep integrasi proses kimia, konsep teknologi jepitan, reka bentuk rangkaian unit operasi utama dan reka bentuk rangkaian sistem utiliti di loji pemprosesan.
- This course covers the chemical process integration concepts, concepts of pinch technology, the designs of major unit operations networks and the utility system networks in the processing plants.*

ECH4312 Kejuruteraan Proses dan Produk/ *Process and Product Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi aspek reka bentuk dan pembangunan, pemprosesan dan pembuatan produk. Elemen yang ditekankan termasuk kehendak kepada produk, spesifikasi produk sasaran, pembuatan dan pemprosesan produk.

This course covers the aspects of product design and product development, processing and manufacturing. Elements that are emphasized include provisions of product demand, targeted product specification, manufacturing and processing.

ECH4313 Kawalan Proses Lanjutan/ *Advanced Process Control* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi reka bentuk dan pelaksanaan konsep kawalan proses lanjutan dengan penekanan pada kaedah dan teknik yang mempunyai kesan yang signifikan terhadap amalan perindustrian. Sistem Berbilang-Masukan-Berbilang-Keluaran, sistem kawalan digital, teknik pemodelan lanjutan, kawalan ramalan model dan kecerdasan buatan diberi penekanan.

This course covers the design and implementation of advance process control concepts with the emphasis on methods and techniques that have had significant impact on industrial practices. Multi-Input-Multi-Output systems, digital control system, advance modelling techniques, model predictive control and artificial intelligence techniques are emphasized.

ECH4408 Kejuruteraan Polimer/ *Polymer Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi konsep kejuruteraan polimer yang merangkumi sintesis, sifat, pencirian, pemprosesan dan aplikasi polimer dan kopolimer. Peluang keusahawanan dalam bidang kejuruteraan polimer dibincangkan.

This course covers the concepts of polymer engineering that include the syntheses, properties, characterizations, processings and applications of polymers and copolymers. Entrepreneurship opportunities in polymer engineering field are discussed.

ECH4409 Teknologi Zarah/ *Particle Technology* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi teori dan kaedah mereka bentuk alatan pemprosesan, penyimpanan dan pengangkutan zarah. Ciri, sifat dan perlakuan zarah pepejal dalam pelbagai keadaan dibincangkan secara terperinci.

This course covers the theory and equipment design technique for particle processing, storage and transportation. The characteristics, properties and behaviours of solid particles at various conditions are deliberated.

ECH4410 Pemprosesan Bahan Nano/ *Nanomaterials Processing* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi konsep sintesis dan teknik pemprosesan partikel nano dan bahan nano. Perkaitan antara kaedah pertumbuhan dengan sifat dan ciri bahan nano dicakupi. Selain itu aplikasi bahan nano sebagai bahan pintar dibincangkan.

This course covers the synthesis and processing concept of nanoparticles and nanomaterials. Relationship between the growth methods with the properties and characteristics of the nanomaterials are included. The application of nanomaterial as smart material is discussed.

ECH4411 Kejuruteraan Elektrokimia/ *Electrochemical Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini meliputi prinsip proses dan reka bentuk kejuruteraan sel elektrokimia. Proses angkutan dan tindakbalas kimia di dalam sel elektrokimia serta aplikasi prinsip elektrokimia dalam industri turut diuraikan.

This course covers the principles of process and engineering design of electrochemical cells. The transport processes and chemical reactions in the electrochemical cells as well as the applications of electrochemistry in industries are also elucidated.

ECH4412 Analisis Bahan/ *Materials Analysis* 3 (3+0)

Prasyarat/ *Prerequisite* : Tiada/*None*

Kursus ini bertujuan untuk mengukuhkan penggunaan prinsip-prinsip asas aerodinamik dalam menentukan prestasi penerbangan kapal terbang bersayap tetap dan sayap berputar. Aliran di atas permukaan aerodinamik akan dianalisis untuk penentuan prestasi penerbangan berdasarkan profil misi yang ditetapkan

This course aims to reinforce fundamental aerodynamics principles in determining the performance of fixed- and rotary-wing aircraft. Flow along aerodynamic surfaces will be analyzed leading to flight performance across a designated mission profile

EAS4221 Komputasi Dinamik Bendalir/ *Computational Fluid Dynamics* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada kaedah komputasi dinamik bendalir dan penggunaannya. Penekanan diberikan kepada kemahiran menggunakan teknik termaju dalam penyelesaian persamaan gerakan, persamaan gerakan bendalir dan pemindahan haba, pembangunan model kejuruteraan, grid, pendiskretan, penumpuan dan pencapahan dalam reka bentuk produk

The course covers an introduction to computational fluid dynamics and its applications. Emphasis is given to skills using advanced techniques in solving motion equations, fluid motion equations and heat transfer equations, engineering model development, grid, discretization, convergence and evolution in product design

EAS4305 Panduan, Pandu Arah dan Kawalan / *Guidance Navigation and Control* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi analisis untuk kestabilan, kebolehkawalan dan keteramatan sistem kenderaan aeroangkasa. Ini termasuklah pengenalan kepada sistem pandu arah inersia dan satelit, teknik reka bentuk termaju dan pembangunan sistem pandu arah pesawat bersepadu

This course covers the analysis on stability, controllability, and observability of an aircraft systems. This includes an introduction to the inertial and satellite navigation systems, advanced design techniques and development of integrated aircraft navigation systems

EAS4321 Dinamik Penerbangan/ *Flight Dynamics* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pembangunan persamaan gerakan pesawat dan penyelesaiannya dengan penekanan kepada simulasi menggunakan perisian komputer. Ia merangkumi analisis dinamik membujur dan membulat serta kualiti penerbangan

The course covers the development of aircraft equations of motion and its solutions with emphasis on simulation using computer software. This includes analysis of longitudinal and lateral dynamics and flying qualities

EAS4323 Sistem Kawalan Penerbangan Automatik/ *Automatic Flight Control Systems* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi topik di dalam kawalan penerbangan automatic menggunakan pendekatan teori kawalan klasik dan moden. Topik merangkumi sistem kestabilan imbuhan, sistem pandu-auto, dan sistem pandu arah bagi pegerakan longitudinal dan lateral-berarah

The course covers the topics in automatic flight control using both classical and modern control approaches. Topics include stability augmentation systems, autopilot systems, and navigational systems for both longitudinal and lateral-directional dynamics

EAS4414 Bahan Komposit Termaju/ *Advanced Composite Materials* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mempersembahkan gambaran menyeluruh tentang bahan komposit termaju yang merangkumi struktur asas, proses, mekanik dan kegagalan

This course presents a comprehensive overview on advanced composite materials covering the basic structures, processes, mechanics and failures

EAS4415 Aerokekenyalan/ *Aeroelasticity* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas bagi fenomena aerokekenyalan dan kaedah analisa bagi kedua-dua keadaan statik dan dinamik. Topik termasuk pencapahan, keberkesanan kawalan, pembalikan kawalan, ketidakstabilan kibar, tindak balas badai beserta kaedah asas dalam amalan kejuruteraan semasa

This course covers the fundamental principles of aeroelastic phenomena and methods for aeroelastic analysis for both static and dynamics conditions. Topics include divergence, control effectiveness, control reversal, flutter instability, gust response as well as the underlying approaches in current engineering practices

EAS4423 Analisis Tegasan Berujikaji/ *Experimental Stress Analysis* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek umum dalam analisis tegasan berujikaji. Pelbagai kaedah eksperimen pengukuran tegasan dan terikan berdasarkan konsep asas akan dibincangkan

This course covers the general aspects of experimental stress analysis. Various experimental stress and strain measurement methods with their underlying fundamental concepts are discussed

EAS4421 Analisis Unsur Terhingga/ *Finite Element Analysis* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas, formulasi tenaga dan anjakan bagi kaedah unsur terhingga. Penekanan diberikan terhadap penyelesaian elemen satu dan dua dimensi serta aplikasi praktikal dengan menggunakan perisian komersial unsur terhingga

This course covers the fundamental concepts, energy and displacement formulations of finite element method. Emphasis is given on the solution of one and two dimensional elements as well as practical applications using finite element commercial software

EAS4422 Teknik Ujian Tanpa Musnah/ *Non-Destructive Testing Techniques* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada ujian tanpa musnah bagi kejuruteraan aeroangkasa. Topik termasuk pengesanan kerosakan, pengujian ultrabunyi, teknik terkini dan sediada bagi ujian tanpa musnah, kebolehpercayaan dan aplikasi ujian tanpa musnah dalam kejuruteraan aeroangkasa.

The course covers the introduction to non-destructive testing for aerospace engineering. This includes damage detection, ultrasonic testing, advanced and other types of non-destructive testing, reliability and applications of non-destructive testing in aerospace engineering

EAS4521 Pendorongan Pesawat/ Aircraft Propulsion 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori dan reka bentuk enjin pernafasan udara. Topik merangkumi komponen di dalam enjin pernafasan udara, fungsi, parameter reka bentuk, pemindahan tenaga, dan ramalan kecekapan,. Padanan komponen dan kesan terhadap persekitaran dari enjin pernafasan udara juga dirangkumi

The course covers the theory and design of air breathing engine. Topics include the components in air breathing engine, functions, design parameters, energy transfer and prediction of performance. Components matching and effect of environment from the air breathing engines are also covered

EAS4522 Pendorongan Pendorong Pepejal/ Solid Propellant Propulsion 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengajian pendorongan pendorong pepejal dalam industri aeroangkasa. Asas, klasifikasi, pembakaran, komponen dan reka bentuk motor dan prestasi roket pendorong pepejal adalah dibincangkan. Ini merangkumi roket pendorong hibrid dan kawalan vektor tujahan.

The course covers the study of solid propellant propulsion in aerospace industry. The fundamentals, classifications, combustion, components and motor design and performance of solid propellant rocket are discussed. This includes hybrid propellant rocket and thrust vector control

EAS4712 Teknik Pengoptimuman Reka Bentuk/ Design Optimization Technique 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas dan konsep pada kedua-dua kaedah klasik dan moden teknik pengoptimuman reka bentuk. Penekanan diberikan kepada teknik pengoptimuman pembolehubah tunggal, berbilang pembolehubah dan heuristik

This course covers the basic principles and concepts on both classical and modern methods of engineering design optimization techniques. Emphasis is given on single-variable, multi-variable and heuristic optimization techniques

EAS4713 Pemodelan Simulasi Aeroangkasa/ Aerospace Simulation Modeling 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas simulasi dan permodelan statistik dalam menyelesaikan masalah reka bentuk. Penekanan diberikan kepada teknik untuk penjanaan nombor rawak, reka bentuk eksperimen dan analisis data statistik.

This course covers the basic principles of simulation and statistical modeling in solving design problems. Emphasis is given on the techniques for random number generation, design of experiment and statistical data analysis

EAS4815 Modul Habitat Angkasa/ Inhabited Space Module 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek stesen angkasa. Penekanan diberikan terhadap persekitaran orbit, keadaan angkasa serta aspek kemanusiaan

This course covers the space station aspects. Emphasis is given on orbit environment, space conditions and human aspect

EAS4821 Kejuruteraan Perisian Aeroangkasa/ *Aerospace Software Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pembangunan perisian aeroangkasa. Pendekatan terhadap sistem masa-nyata untuk aplikasi kritikal, analisis kegagalan dan pengurusan perisian juga diberikan

This course covers the development of aerospace software. Approaches on real-time systems for critical applications, failure analysis, and software management are also given

EAS4823 Kawalan dan Dinamik Kapal Angkasa/ *Spacecraft Dynamics and Control* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengkaji dinamik dan kawalan pesawat angkasa. Ia termasuk formulasi persamaan orbit dan atitud pesawat dan penggunaan persamaan ini bagi menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan kawalan pesawat angkasa

This course treats spacecraft dynamics and control. This includes the formulation of equations for the orbital and rotational motion of spacecraft and the use of these equations to formulate and solve spacecraft control problems

EAS4948 Projek Reka Bentuk Bersepadu/ *Integrated Design Project* 4 (0+4)

Prasyarat : EAS3733

Kursus ini memaparkan projek berkumpulan terhadap reka bentuk kenderaan aeroangkasa yang menghubungkan integrasi sistem antara aerodinamik, struktur & bahan, dinamik & kawalan, pendorongan, prestasi, dan sistem dalaman untuk keperluan misi tertentu yang diberikan. Aktiviti projek reka bentuk bermula dengan fasa reka bentuk konsep, diikuti dengan fasa reka bentuk permulaan dan terperinci. Ini melibatkan proses kajian pasaran, perancangan projek, pemodelan & simulasi, kos analisis, pembangunan prototaip dan pengujian

This course features a team based project on the design of aerospace vehicle that relate the system integration between aerodynamics, structures & materials, dynamics & control, propulsion, performance, and internal systems for a given specific mission requirement. The design project activities begin with the conceptual design phase, followed by preliminary and detail design phases. This involves market study, project planning, modelling & simulation, cost analysis, prototype development and testing processes

Jabatan Kejuruteraan Awam/ Department of Civil Engineering
SINOPSIS KURSUS/ COURSE SYNOPSIS

ECV3121 Mekanik Kejuruteraan / *Engineering Mechanics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip statik dan dinamik yang meliputi daya dalam struktur rasuk, kerangka dan kekuda. Analisis bagi geseran, pusat graviti dan sentroid dan momen sifatekun juga turut dibincangkan.

This course covers the principles of statics and dynamics which include forces in beam, frame and truss structures. Analysis in friction, centre of gravity and centroid, and moment of inertia are also discussed

ECV3122 Bahan Kejuruteraan Awam / *Civil Engineering Materials* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi jenis dan sifat bahan kejuruteraan awam yang digunakan dalam pembinaan seperti batu-baur, simen, konkrit basah, dan konkrit terkeras. Ia juga merangkumi kerja batu, keluli dan bahan alternative untuk pembinaan.

This course covers types and properties of civil engineering materials used in construction such as aggregates, cement, fresh concrete, and hardened concrete. It also covers masonry, steel and alternative materials for construction.

ECV3123 Projek Bersepadu / *Integrated Project* 1(0+1)

Prasyarat : ENG3201

Kursus ini memerlukan pelajar untuk meneroka idea kreatif dan penyelesaian kepada masalah kejuruteraan yang kompleks. Pelajar dikehendaki bekerjasama dalam kumpulan dan berfikir diluar kotak untuk mencadangkan pendekatan lestari bersepadu. Pada akhir kursus pelajar dikehendaki membentangkan hasil projek mereka.

This course requires students to explore creative ideas and solution to a given complex engineering problem. Students are expected to collaborate in a team and think out of the box to propose integrated sustainable approaches. At the end of the course students are required to present their project outcomes.

ECV3124 Makmal Kejuruteraan Awam I / *Civil Engineering Laboratory I* 2(0+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek praktikal bahan kejuruteraan awam, hidraulik dan pengangkutan. Ia melibatkan kerja makmal terpandu dan masalah terbuka yang memerlukan kajian berasaskan makmal.

The course covers the practical aspects of civil engineering materials, hydraulics and transportation engineering. It involves guided laboratory works and open-ended problems that require laboratory-based investigation.

ECV3125 Makmal Kejuruteraan Awam II / *Civil Engineering Laboratory II* 2(0+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek praktikal kejuruteraan geoteknik, lebuhraya, air dan air sisa. Ia melibatkan kerja makmal terpandu dan masalah terbuka yang memerlukan kajian berasaskan makmal.

The course covers the practical aspects of geotechnics, highway, water and wastewater engineering. It involves guided laboratory works and open-ended problems that require laboratory-based investigation.

ECV3221 Mekanik Bahan / *Mechanics of Materials* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3121

Kursus ini meliputi konsep tegasan, terikan, kilasan dan tegasan utama didalam sesebuah struktur. Ia juga merangkumi prinsip mekanik bahan, pesongan di dalam rasuk dan kelengkungan tiang.

This course covers the concepts of stresses, strains, torsion and principal stresses in a structure. It also covers the principles of mechanics of material, deflection of beam and buckling of column.

ECV3222 Analisis Struktur I / *Structural Analysis I* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3221

Kursus ini meliputi analisis struktur statik boleh tentu dan tidak boleh tentu. Analisis struktur statik boleh tentu meliputi kerangka, kekuda, gerbang dan kabel dan garis imbas untuk rasuk. Analisis struktur statik tidak boleh tentu meliputi analisis anggaran dan kaedah daya. Kursus ini juga termasuk prinsip kerja maya dan salingan.

This course covers the analysis of determinate and indeterminate structures. The determinate structures include analysis of frames, arch and cable and influence lines for beams. The indeterminate structures include approximate analysis and force method. This course also covers virtual work and reciprocal principles.

ECV3223 Analisis Struktur II / *Structural Analysis II* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3222

Kursus ini meliputi analisis struktur tak boleh tentu dengan menggunakan pelbagai kaedah analisis seperti kaedah cerun pesongan, agihan momen dan matrik kekakuan. Ia juga meliputi analisis plastik bagi struktur. Pelajar akan didedahkan dengan perisian komputer bagi menganalisis struktur.

This course covers analysis of indeterminate structures using various methods such as slope deflection, moment distribution and matrix methods. It also covers plastic analysis of structures. Students will be exposed to the structural analysis software in analysing the structures.

ECV3224 Reka Bentuk Struktur Konkrit Bertetulang / *Design of Reinforced Concrete Structures* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3222

Kursus ini meliputi reka bentuk elemen-elemen struktur konkrit bertetulang seperti rasuk selangar segiempat dan rasuk berbibir, papak padu, tiang, asas cetek dan tukup cerucuk. Ia merangkumi prinsip struktur, sistem beban, penggunaan kod amalan dan perincian tetulang.

This course covers design of reinforced concrete structure elements including rectangular and flanged beams, solid slabs, columns, pad footing and pile cap. It includes principle of structures, loading systems, use of the code of practices and detailing of reinforcement.

ECV3225 Rekabentuk Struktur Keluli / *Design of Steel Structures* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3222

Kursus ini meliputi reka bentuk anggota struktur keluli menggunakan kod reka bentuk yang bersesuaian. Ia melibatkan reka bentuk rasuk keluli terhalang sisi dan sisi tak terhalang, anggota mampatan, sambungan dan kekuda.

This course covers design of steel structural members using appropriate design codes. It involves analysis and design of important steel structural member such as laterally restrained and unrestrained steel beams, compression members, trusses and connections.

ECV3321 Geologi Kejuruteraan / *Engineering Geology*

3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pengecaman mineral dan pembentukan batuan. Ia juga merangkumi penggunaan maklumat geologi untuk menyelesaikan masalah kejuruteraan.

This course covers identifications of minerals and rock formations. It also covers use of geological information to solve engineering problems..

ECV3322 Mekanik Tanah I / *Soil Mechanics I*

3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip asas mekanik tanah seperti sifat fizikal dan mekanikal tanah. Ia juga merangkumi pengelasan tanah, air bumi dan resipan, pemadatan tanah dan tegasan tanah.

This course covers basic principles of soil mechanics such as physical and mechanical properties of soil. It also covers classification of soils, groundwater and seepage, soil compaction and soil stresses.

ECV3323 Mekanik Tanah II / *Soil Mechanics II*

3(3+0)

Prasyarat : ECV3322

Kursus ini meliputi analisis kekuatan ricih, mampatan, pengukuhan tanah dan prinsip asas tekanan sisi bumi. Jenis tembok penahan, kestabilan cerun, kaedah analisis dan faktor keselamatannya turut dibincangkan.

This course covers analysis of shear strength, compression, consolidation of soil and basic principles of lateral earth pressure. Types of retaining structure, slope stabilisation, analysis method and safety factor are also discussed.

ECV3324 Kejuruteraan Asas / *Foundation Engineering*

3(3+0)

Prasyarat : ECV3323

Kursus ini meliputi penyiasatan tapak, analisis asas cetek dan asas dalam dan keupayaan galas cerucuk. Enapan asas dan kajian kes juga turut dibincangkan.

This course covers site investigation, analysis of shallow and deep foundations and bearing capacity. Settlement and case study are also discussed.

ECV3421 Hidraulik I / *Hydraulics I*

3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip dan konsep asas mekanik bendalir yang merangkumi sifat bendalir, tekanan bendalir dan daya di dalam bendalir statik dan bergerak. Aliran dalam paip dan mesin bendalir serta sistem agihan air turut dibincangkan.

This course covers basic principles and concepts of fluid mechanics which includes fluid properties, fluid pressure and forces in static and moving fluids. Flow in pipes and fluid machines as well as water reticulation systems are also discussed.

ECV3422 Hidraulik II / *Hydraulics II*

3(3+0)

Prasyarat : ECV3421

Kursus ini meliputi ciri-ciri aliran didalam saluran terbuka, analisis aliran seragam dan tak seragam di dalam saluran terbuka, reka bentuk pembentung dan sistem saliran air hujan serta konsep similitud dan model hidraulik.

This course covers flow characteristics in open channels, analysis of uniform and varied flows in open channels, design of culvert and stormwater drainage systems as well as hydraulic similitude and model.

ECV3423 Kejuruteraan Alam Sekitar / *Environmental Engineering*

3(3+0)

Prasyarat: Tiada

Kursus ini meliputi isu-isu penting mengenai persekitaran ambien yang merangkumi air, udara dan tanah. Ia melibatkan analisis tahap pencemaran dan perbincangan mengenai penyelesaian untuk kawalan pencemaran.

This course covers important issues regarding the ambient environment that include water, air, and land. It involves analysis of pollution extent and discussion of solutions for pollution control.

ECV3424 Hidrologi Kejuruteraan / *Engineering Hydrology*

3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi aplikasi utama hidrologi dalam kejuruteraan seperti kaitan antara hujan dan aliran, penghalaan aliran dan analisis frekuensi. Sistem pengurusan air hujan juga diberi penekanan.

This course covers the main applications of hydrology in engineering such as the rainfall-runoff relationship, flow routing and frequency analysis. Stormwater management systems are also emphasized.

ECV3425 Kejuruteraan Air dan Air Sisa / *Water and Wastewater Engineering*

3(3+0)

Prasyarat: ECV3423

Kursus ini meliputi proses rawatan air dan air sisa yang turut merangkumi reka bentuk sistem pra-rawatan, rawatan enapcemar dan sistem pembetung sanitari. Pengurusan dan rawatan air sisa industri dan komersial turut diberi penekanan.

This course covers water and wastewater treatment processes which also includes design of pre-treatment system, sludge treatment and sanitary sewer systems. Management and treatment of industrial and commercial wastewater are also emphasised.

ECV3521 Kejuruteraan Geomatik / *Geomatics Engineering*

3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi aspek teori dan amali teknik pengukuran untuk kejuruteraan seperti pengukuran jarak, aras, sudut dan pengukuran jarak secara tak langsung. Pengukuran topografi, luas dan isipadu, ukur pembinaan dan penyediaan lengkungjalan juga turut dibincangkan.

This course covers theoretical and practical aspects of surveying techniques for engineering such as levelling, angle measurement and indirect distance measurement. Topographic surveying, areas and volumes, construction surveying and road curve preparation are also discussed.

ECV3621	Kejuruteraan Trafik dan Pengangkutan / <i>Traffic and Transportation Engineering</i>	3 (3+0)
---------	--	---------

Prasyarat: Tiada

Kursus ini meliputi prinsip asas trafik dan kejuruteraan pengangkutan dengan memberi tumpuan kepada analisis trafik dan kaedah kawalan trafik termasuk ciri aliran trafik, sistem persimpangan dan kajian tempat letak kereta. Penilaian kesan pengangkutan dan konsep sistem pengangkutan pintar dan lestari juga dibincangkan.

The course covers the fundamentals principles of traffic and transportation engineering with focus on the traffic analysis and methods of traffic controls which includes traffic stream characteristics, junctions system and parking studies. Transportation impact assessment and concept of intelligent and sustainable transportation system are also discussed.

ECV 3622	Kejuruteraan Lebuhraya / <i>Highway Engineering</i>	3 (3+0)
----------	---	---------

Prasyarat: Tiada

Kursus ini meliputi prinsip asas kejuruteraan lebuhraya termasuk tajuk utama berikut; prinsip lokasi lebuhraya dan elemen reka bentuk, operasi dan peralatan kerja tanah, ciri-ciri fizikal, ujian kawalan kualiti dan teknologi yang paling banyak digunakan untuk bahan lebuhraya dan pembinaan serta saliran dan kawalan hakisan. Selain itu, pelajar akan meneroka seni reka bentuk lebuhraya dan turapan dari segi reka bentuk geometri dan lapisan struktur turapan.

The course covers the fundamental principles of highway engineering which includes the following main topics; principles of highway locations and design elements, earthworks operations and equipment, physical characteristics, quality control tests and most widely used technologies for highway materials and construction as well as drainage and erosion control. Also, students will explore the art of highway and pavement design in terms of geometric design and pavement structural layers.

ECV 3721	Ukur Kuantiti Binaan / <i>Construction Quantity Measurement</i>	3 (3+0)
----------	---	---------

Prasyarat: ENG3201

Kursus ini meliputi pengukuran kuantiti menurut kaedah piawai. Penyediaan bil dan dokumen kuantiti bagi kerja pembinaan bangunan turut dibincangkan.

This course covers the quantity measurement according to the standard methods. Preparation of bills and document of quantity for building construction works are also discussed.

ECV3722	Pengurusan Projek Pembinaan / <i>Construction Project Management</i>	3 (3+0)
---------	--	---------

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip pengurusan projek kejuruteraan yang merangkumi kontrak pembinaan, penyelesaian pertikaian, dan perancangan. Penjadualan dan pengawasan projek serta anggaran dan penilaian tender juga turut dibincangkan.

This course covers principles of engineering project management, which involves construction contract, settlement of disputes, planning. Scheduling and project supervision as well as tender estimation and evaluation are also discussed.

ECV3723	Pembangunan Model Maklumat untuk Jurutera / <i>Building Information Modelling for Engineers</i>	3(2+1)
---------	---	--------

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi konsep, proses inovatif dan aplikasi Pemodelan Maklumat Bangunan dalam industri arkitektur, kejuruteraan dan pembinaan. Kemahiran komputer yang menggunakan Pemodelan Maklumat Bangunan ditekankan.

This course covers concepts, innovative processes and application of Building Information Modelling in architecture, engineering and construction industries. Computer skills which utilise Building Information Modelling are emphasized.

ECV4947	Projek Reka Bentuk Bersepadu Kejuruteraan Awam / <i>Civil Engineering Integrated Design Project</i>	4(0+4)
---------	---	--------

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi reka bentuk bersepadu bagi kejuruteraan awam berorientasikan pelbagai disiplin. Proses reka bentuk yang melibatkan kajian pasaran, perancangan dan pelaksanaan projek, analisis kos, dan penyediaan lukisan kejuruteraan terperinci dibincangkan. Aspek kesihatan dan keselamatan awam, kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi, dan persekitaran ditekankan.

This course covers the integrated design of civil engineering in multidisciplinary orientation. Design processes involving market study, project planning and execution, cost analysis, and preparation of detailed engineering drawing are discussed. Aspects of public health and safety, culture, society, economics, and environment are emphasized.

ECV4221	Analisis Struktur Lanjutan / <i>Advanced Structural Analysis</i>	3(3+0)
---------	--	--------

Prasyarat : ECV3223

Kursus ini meliputi analisis struktur satah dan ruang menggunakan kaedah matriks dan teori asas kaedah unsur terhingga serta aplikasinya. Ia juga melibatkan penggunaan pengaturcaraan komputer dan perisian unsur terhingga dalam menganalisis struktur.

This course covers analysis on plane and space structures using stiffness matrix method and the fundamental theory of finite element method as well as its application. It also involves application of computer programming and finite element software in analysing the structures.

ECV4222	Reka Bentuk Bangunan Tinggi / <i>Design of Tall Buildings</i>	3(3+0)
---------	---	--------

PRASYARAT : ECV3223

Kursus ini meliputi analisis dan reka bentuk struktur bangunan tinggi menggunakan sistem penahan beban sisi yang berbeza. Ia juga termasuk penggunaan aplikasi perisian untuk merekabentuk bangunan tinggi.

This course covers analysis and design of tall building structures for different lateral load resisting systems. It also includes the application of software for the design of tall building.

ECV4223 Kejuruteraan Jambatan / *Bridge Engineering* 3(3+0)

Prasyarat: ECV3223

Kursus ini meliputi aspek perancangan, reka bentuk dan pembinaan jambatan termasuk substrukturnya. Ia juga melibatkan analisis jambatan dengan susunan beban yang berbeza.

This course covers aspect of planning, design and construction of bridges including its substructure. It also involves analysis of various bridge models with different load arrangement.

ECV4224 Struktur Prategasan dan Pratuang / *Prestress and Precast Structures* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3223

Kursus ini meliputi prinsip dan kaedah prategasan dan pratuang, bahan dan had tegasan, analisis dan reka bentuk anggota lenturan serta rasuk rencam. Kehilangan prategasan, keadaan had muktamad, pesongan dan reka bentuk struktur prategasan dan pratuang turut dibincangkan.

This course covers principles and analysis methods of prestress and precast, materials and stress limits, analysis and design of flexural members as well as composite beam. Loss of prestress, ultimate limit state, deflection and design of prestressed and precast structures are also discussed.

ECV4225 Struktur Dinamik dan Gempa Bumi / *Structural Dynamics and Earthquake* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3223

Kursus ini meliputi prinsip dinamik, yang meliputi daya dalam sistem dinamik dan getaran. Konsep asas kejuruteraan gempa bumi dan struktur rintangan seismik turut dibincangkan.

The course covers the principles of structural dynamics which include forces in dynamics and vibration systems. Basic concept of earthquake engineering and the seismic resistance structure are also discussed.

ECV4321 Asas Dalam dan Pembaikan Tanah / *Deep Foundation and Ground Improvement* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3324

Kursus ini meliputi reka bentuk pelbagai sistem asas dalam seperti asas cerucuk, cerucuk berkumpul dan aci gerudi. Kaedah-kaedah pembaikan tanah bagi tanah yang bermasalah juga turut dibincangkan.

This course covers design various deep foundation systems such as piles, group piles and drilled shaft. Ground improvement methods for problematic soil are also discussed.

ECV4322 Struktur Penahan / *Retaining Structures* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3323

Kursus ini meliputi analisis tekanan sisi dan reka bentuk stuktur penahan. Sistem sokongan lain seperti pemakuan tanah, empangan kekotak dan pengorekan bertupang juga dibincangkan.

This course covers analysis of lateral pressure and design of retaining walls. Other support system such as soil nailing, cofferdam and strutted excavation were also discussed.

ECV4323 Kejuruteraan Geo-Persekitaran / *Geo-Environmental Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3323

Kursus ini meliputi masalah geoteknikal dan geo-persekitaran yang berkait dengan tanah dan bahan pencemar. Sistem pengurangan dan teknologi rawatan turut dibincangkan.

This course covers geotechnical and geo-environmental problems related to soil and contaminants. Containment system and treatment technologies are also discussed.

ECV4324 Kejuruteraan Cerun / *Slope Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3323

Kursus ini meliputi analisis dan reka bentuk cerun tanah dan batuan untuk kestabilan serta perlindungan hakisan dan kerja pemuliharaan. Selain itu, kawalan hakisan melalui kaedah biokejuruteraan juga ditekankan.

This course covers analysis and design of soil and rock slopes for stability as well as erosion protection and rehabilitation works. Besides that, erosion protection using bioengineering method is also emphasized.

ECV4325 Kejuruteraan Terowong / *Tunnel Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3321

Kursus ini meliputi prinsip penerowongan, teknik pengukuhan bumi, reka bentuk dan analisis kestabilan terowong. Teknik pembinaan, pemantauan terowong serta kajian kes terpilih turut dibincangkan.

This course covers principles of tunneling, ground improvement techniques, design and analyses of tunnel stability. Construction techniques, monitoring of tunnels as well as selected case studies are also discussed.

ECV4421 Kejuruteraan Sungai / *River Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3424

Kursus ini meliputi ciri-ciri fizikal, hidrologi dan hidraulik sungai, anggaran pengangkutan endapan, reka bentuk takungan, kaedah penstabilan sungai dan tebatan banjir serta penjanaan hidroelektrik.

This course covers physical, hydrology and hydraulics characteristic of rivers, estimation of sediment transport, reservoir design, river stabilization, and flood mitigation approaches as well as hydroelectric generation.

ECV4422 Rawatan Air dan Air Sisa Lanjutan / *Advanced Water and Wastewater Treatment* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3425

Kursus ini meliputi teknik lanjutan dalam rawatan air dan air sisa. Topik yang dibincangkan termasuk proses rawatan air bukan lazim, kaedah termaju bagi menyingkirkan nitrogen dan fosforus, penyerapan serta sistem penurasan membran.

This course covers advanced techniques in water and wastewater treatment. Topics discussed include non- conventional water treatment processes, advanced methods of removing nitrogen and phosphorus, adsorption as well as membrane filtration system.

ECV4423 Kejuruteraan Air Bumi / *Groundwater Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3424

Kursus ini meliputi pengeluaran dan aliran air bumi di dalam akuifer yang berlainan, reka bentuk telaga, pergerakan bahan cemar di dalam zon tepu dan zon tidak tepu. Kaedah kawalan dan pemulihan juga turut dibincangkan.

This course covers the production and flow of groundwater in different types of aquifers, design of well, transport of contaminants both in the unsaturated and saturated zones. control and remediation techniques are also discussed.

ECV4424 Kejuruteraan Sisa Pepejal / *Solid Waste Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3423

Kursus ini meliputi pencirian sisa pepejal, serta strategi dan teknologi untuk pengurangan, penggunaan semula, pengitaran semula, pemulihan, rawatan dan pelupusan sisa pepejal. Ia juga meliputi perolehan tenaga dari sisa pepejal dan reka bentuk tanah isian sanitari.

This course covers the characterization as well as strategies and technologies for reduction, reuse, recycling, recovery, treatment, and disposal of solid waste. It also covers energy recovery from solid waste and design of sanitary landfill.

ECV4425 Kejuruteraan Pantai / *Coastal Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3422

Kursus ini meliputi analisis mekanik gelombang laut dan pasang surut laut serta kesannya ke atas pantai. Aplikasi teknik kejuruteraan untuk perlindungan dan pembaikpulihan pantai juga turut dibincangkan.

This course covers analysis of sea wave mechanics and ocean tide as well as their effects on the coast. An application of engineering techniques for coastal shore protection and restoration is also discussed.

ECV4426 Struktur Hidraulik / *Hydraulic Structures* 3(3+0)

Prasyarat: ECV3422

Kursus ini meliputi pelbagai struktur hidraulik termasuk empangan, tebat empangan, alur limbah dan struktur pelepasan tenaga. Struktur aliran keluar dan struktur kawalan aliran juga termasuk.

This course covers various hydraulic structures including dams, weirs, spillways, and energy dissipation structures. Outlet structures and flow control structures are also included.

ECV4521 Kejuruteraan Geospasial / *Geospatial Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3521

Kursus ini meliputi penggunaan teknologi sistem maklumat geografi (GIS) dan penderiaan jauh. Sistem navigasi satelit global (GNSS) dalam bidang kejuruteraan awam juga turut dibincangkan.

This course covers the use of Geographic Information System (GIS) and Remote Sensing. Global Navigation Satellite System (GNSS) technologies in the civil engineering field are also discussed.

ECV4621	Analisis Sistem Pengangkutan Jalan / <i>Road Transportation System Analysis</i>	3(3+0)
---------	---	--------

Prasyarat : ECV3621

Kursus ini meliputi segmen lebuh raya bebas, segmen jalinan dan simpang tanjakan. Ramalan permintaan perjalanan, penjanaan trafik serta agihan perjalanan juga turut dibincangkan.

This course covers freeway segment, weaving segment and ramp junctions. Travel demand forecasting, traffic generation as well as travel distribution are also discussed.

ECV 4622	Kejuruteraan Turapan / <i>Pavement Engineering</i>	3(3+0)
----------	--	--------

Prasyarat : ECV3622

Kursus ini meliputi teori, analisis, reka bentuk, penilaian dan pemulihan turapan yang merangkumi turapan fleksibel dan tegar. Jenis turapan lain juga turut dibincangkan.

This course covers the theory, analysis, design, evaluation and rehabilitation of pavement that cover flexible and rigid pavements. Other pavements are also discussed.

ECV 4623	Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Raya / <i>Road Construction and Maintenance</i>	3(3+0)
----------	---	--------

Prasyarat : ECV3622

Kursus ini meliputi kaedah dan strategi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya. Antara topik yang dibincangkan termasuk perbincangan berkenaan jentera untuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya.

This course covers the methods and strategies of road construction and maintenance. Among the topic discussed includes discussion on machineries for construction and maintenance of roads.

ECV 4624	Keselamatan dan Pengurusan Trafik / <i>Traffic Safety and Management</i>	3(3+0)
----------	--	--------

Prasyarat : ECV3621

Kursus ini meliputi pengangkutan lestari, pengurusan trafik, penenangan trafik dan analisis kemalangan trafik. Pendekatan keselamatan trafik dan Sistem Pengangkutan Pintar juga turut dibincangkan.

This course covers sustainable transport, traffic management, traffic calming and traffic accidents analysis. Traffic safety approach and Intelligent Transport Systems are also discussed.

ECV 4625	Bahan Turapan / <i>Pavement Materials</i>	3 (3+0)
----------	---	---------

Prasyarat: ECV3622

Kursus ini merangkumi secara terperinci bahan turapan, Analisa, reka bentuk, penilaian dan ekonomi bagi pelbagai jenis turapan, khususnya turapan boleh lentur dan turapan tegar. Juga, teknik terbaik yang diwujudkan dan sedia digunakan serta konsep kitar semula akan dibincangkan.

This course covers in details pavement materials, analysis, design, evaluation and economics of various types of pavement, particularly on flexible and rigid pavements. Also, the best established and currently applicable techniques as well as recycling concepts will be discussed.

ECV4721 Teknologi Pembinaan / *Construction Technology*

3(3+0)

Prasyarat : ECV3722

Kursus ini meliputi perbincangan mengenai peralatan dan jentera bagi kerja pembinaan. Teknologi pembinaan masa kini termasuk sistem binaan berindustri juga turut dibincangkan.

This course covers discussions on the equipment and machinery for construction works. Current construction technologies including industrialised building system are also discussed.

ECV 4722 Pengurusan Perniagaan Pembinaan / *Construction Business Management*

3 (3+0)

PRASYARAT: Tiada

Kursus ini merangkumi penentuan kadar keperluan keuntungan minima projek pembinaan dan pengendalian analisis keperluan kecairan kewangan projek dan syarikat pembinaan. Penekanan diberikan kepada penyediaan pengurusan kawalan kos di peringkat projek dan syarikat pembinaan.

This course covers defining the minimum profit requirement of the construction project and finance liquidity requirements analysis for projects and construction companies. The course emphasises knowledge to prepare cost control management at the project level and the construction company.

ECV3011 Jurutera dan Masyarakat/ *Engineers and Society*

3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi profesion, etika dan tanggungjawab jurutera berkaitan dengan isu alam sekitar, sosio-ekonomi, kelestarian, keselamatan dan kesihatan, sistem perundangan, undang-undang kontrak, pengurusan dan keusahawanan. Kursus ini juga melibatkan pengaplikasian pengetahuan kejuruteraan melalui aktiviti kerjasama dengan komuniti.

This course covers the engineers' profession, ethic and responsibility in relation to environmental, socio-economic, sustainability, safety and health issues, legal system, contract law, management and entrepreneurship. This course also involves application of engineering knowledge through joined activities with the community

ECV3111 Mekanik Kejuruteraan/ *Engineering Mechanics*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip statik dan dinamik yang meliputi daya dalam struktur rasuk, kerangka dan kekuda. Analisis bagi geseran, pusat graviti dan sentroid dan momen sifat tekun juga turut dibincangkan

The course covers the principles of statics and dynamics which include forces in beam, frame and truss structures. Analysis in friction, centre of gravity and centroid, and moment of inertia are also discussed

- ECV3112 Bahan Kejuruteraan Awam/ *Civil Engineering Materials* 3 (2+1)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi jenis dan sifat bahan kejuruteraan awam yang digunakan dalam pembinaan seperti batu-baur, simen, konkrit basah, dan konkrit terkeras. Masonri dan keluli juga turut dibincangkan
This course covers types and properties of civil engineering materials used in construction such as aggregates, cement, fresh concrete, and hardened concrete. Masonry and steel are also discussed
- ECV3113 Projek Bersepadu/ *Integrated Project* 3 (3+0)
 Prasyarat : ECV3518
 Kursus ini memerlukan pelajar untuk menghasilkan idea kreatif dan penyelesaian kepada masalah tertentu yang memerlukan penyelesaian dalam pendekatan bersepadu dengan mengambilkira keberkesanan kos dan praktikal. Pelajar dikehendaki membina, menguji dan menilai model menggunakan teori yang sesuai
This course requires students to produce creative ideas and solution to a given problem that requires solution in an integrated approach with consideration of cost effectiveness and practicality. Students are required to construct, test and evaluate the model using appropriate theory
- ECV3211 Mekanik Bahan/ *Mechanics of Materials* 3 (3+0)
 Prasyarat : ECV3111
 Kursus ini meliputi analisis tegasan dan terikan disebabkan oleh beban dan suhu. Perbincangan juga meliputi kilasan, bulatan Mohr, kelengkungan dan konsep keplastikan
The course covers stress and strain due to load and temperature. Discussion also covers torsion, Mohr's circle, buckling, and plasticity concept
- ECV3212 Analisis Struktur I/ *Structural Analysis I* 3 (2+1)
 Prasyarat : ECV3211
 Kursus ini meliputi analisis struktur statik boleh tentu yang meliputi kerangka, kekuda, gerbang dan kabel. Ia juga merangkumi rajah garis imbas, prinsip kerja maya dan salingan
The course covers analysis of determinate structures, which include frames, trusses, arch and cable. It also covers influence lines diagram, principles of virtual work and reciprocal
- ECV3213 Analisis Struktur II/ *Structural Analysis II* 3 (3+0)
 Prasyarat : ECV3212
 Kursus ini meliputi analisis struktur tak boleh tentu dengan menggunakan pelbagai kaedah analisis seperti kaedah tenaga, kaedah cerun pesongan, kaedah agihan momen, analisis plastik struktur dan kaedah matriks. Penggunaan perisian dalam analisis struktur juga diperkenalkan
The course covers analysis of indeterminate structures using various methods such as energy method, slope deflection method, moment distribution method, plastic analysis of structures and matrix method. Usage of software in structural analysis is also introduced

ECV3214 Reka Bentuk Struktur Konkrit Bertetulang/ *Reinforced Concrete Structure Design* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3212

Kursus ini meliputi reka bentuk elemen-elemen struktur konkrit bertetulang seperti rasuk selangar segiempat dan rasuk berbibir, papak padu, tiang, asas cetek dan tukup cerucuk. Ia merangkumi prinsip struktur, sistem beban, penggunaan kod amalan dan perincian tetulang

This course covers design of reinforced concrete structure elements including rectangular and flanged beams, solid slabs, columns, pad footing and pile cap. It includes principle of structures, loading systems, use of the code of practices and detailing of reinforcement

ECV3215 Reka Bentuk Struktur Keluli Dan Kayu/ *Design of Steel and Timber Structure* 2 (2+0)

Prasyarat : ECV3212

Kursus ini meliputi reka bentuk anggota struktur keluli dan kayu menggunakan kod reka bentuk semasa yang bersesuaian. Ia melibatkan reka bentuk keluli sisi terhalang dan sisi tak terhalang, anggota mampatan dan tegangan, serta reka bentuk rasuk, tiang dan kekuda kayu.

This course covers design of steel and timber structural members using appropriate design codes. It involves design of laterally restrained and unrestrained steel beams, members in compression and tension, as well as design of timber beams, columns and trusses

ECV3311 Geologi Kejuruteraan/ *Engineering Geology* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pengecaman mineral dan pembentukan batuan. Ia juga merangkumi penggunaan maklumat geologi untuk menyelesaikan masalah kejuruteraan

This course covers identifications of minerals and rocks formations. It also covers use of geological information to solve engineering problems

ECV3312 Mekanik Tanah I/ *Soil Mechanics I* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip asas mekanik tanah seperti sifat fizikal dan mekanikal tanah. Ia juga merangkumi pengkelasan tanah, air bumi dan resipan, pemadatan tanah dan tegasan tanah

This course covers basic principles of soil mechanics such as physical and mechanical properties of soil. It also covers classification of soils, groundwater and seepage, soil compaction and soil stresses

ECV3313 Mekanik Tanah II/ *Soil Mechanics II* 3 (2+1)

Prasyarat : ECV3312

Kursus ini meliputi analisis kekuatan ricih, mampatan, pengukuhan tanah dan prinsip asas tekanan sisi bumi. Jenis tembok penahan, kestabilan cerun, kaedah analisis dan faktor keselamatannya turut dibincangkan

This course covers analysis of shear strength, compression, consolidation of soil and basic principles of lateral earth pressure. Types of retaining structure, slope stabilisation, analysis method and safety factor are also discussed

ECV3411 Hidraulik I/ *Hydraulics I*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip dan konsep asas mekanik bendalir yang merangkumi ciri-ciri bendalir, tekanan bendalir dan daya dalam bendalir statik dan bergerak. Aliran dalam paip dan mesin bendalir serta analisis dimensi turut dibincangkan

This course covers basic principles and concepts of fluid mechanics which includes fluid properties, fluid pressure and forces in static and moving fluids. Flow in pipes and fluid machines as well as dimensional analysis are also discussed

ECV3412 Hidraulik II/ *Hydraulics II*

3 (2+1)

Prasyarat : ECV3411

Kursus ini meliputi analisis aliran di dalam saluran terbuka dan struktur hidraulik, reka bentuk sistem agihan air serta konsep penyerupaan dan model hidraulik. Ia termasuk kerja-kerja amali mengenai mekanik bendalir dan hidraulik

This course covers analysis of flow in open channels and hydraulic structures, design of water distribution systems as well as hydraulic similitude and models. It includes laboratory works on fluid mechanics and hydraulics

ECV3413 Kejuruteraan Alam Sekitar/ *Environmental Engineering*

4 (3+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi isu penting mengenai alam sekitar, proses rawatan air dan airsisa dan reka bentuk sistem pembetung sanitari. Ia termasuk kerja amali mengenai kualiti air dan airsisa

This course covers important environmental issues, water and wastewater treatment processes and design of sanitary sewer system. It includes laboratory works on water and wastewater quality

ECV3414 Hidrologi Kejuruteraan/ *Engineering Hydrology*

3 (3+0)

Prasyarat : ECV3411

Kursus ini meliputi aplikasi utama hidrologi dalam kejuruteraan seperti kaitan antara hujan dan air larian, penghalaan aliran dan analisis frekuensi. Reka bentuk sistem air hujan turut dibincangkan

This course covers the main applications of hydrology in engineering such as the rainfall-runoff relationship, flow routing and frequency analysis. Design of stormwater systems is also discussed

ECV3511 Kejuruteraan Geomatik/ *Geomatics Engineering*

3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi aspek teori dan amali teknik pengukuran untuk kejuruteraan seperti pengukuran jarak, aras, sudut dan pengukuran jarak secara tak langsung. Pengukuran topografi, luas dan isipadu, ukur pembinaan dan penyediaan lengkung jalan juga turut dibincangkan

This course covers theoretical and practical aspects of surveying techniques for engineering such as levelling, angle measurement and indirect distance measurement. Topographic surveying, areas and

volumes, construction surveying and road curve preparation are also discussed

ECV3611 Kejuruteraan Pengangkutan/ *Transportation Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip asas kejuruteraan pengangkutan dengan penumpuan ke atas kaedah dan prosedur berkaitan perancangan, reka bentuk dan penyelenggaraan lebuh raya, lapangan terbang dan landasan keretapi. Penilaian kesan pengangkutan serta konsep pengangkutan lestari turut dibincangkan

This course covers the fundamental principles of transportation engineering with focus on the methods and procedures related to the planning, design and maintenance of highway, airport and railway. Transportation impact assessment and concept of sustainable transportation are also discussed

ECV3612 Kejuruteraan Trafik/ *Traffic Engineering* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi analisis trafik dan kaedah kawalan trafik yang meliputi ciri aliran trafik, peranti kawalan trafik, teknik kutipan data, kajian parkir dan sistem persimpangan. Ia termasuk kerja amali berkenaan kutipan data trafik

This course covers traffic analysis and methods of traffic control which include traffic flow characteristics, traffic control devices, data collection techniques, parking studies and junction systems. It includes practical works on traffic data collection

ECV3613 Kejuruteraan Lebuhraya / *Highway Engineering* 3 (2+1)

Prasyarat : ECV3611

Kursus ini meliputi reka bentuk dan penyelenggaraan turapan lebuh raya yang merangkumi turapan fleksibel dan tegar. Saliran lebuh raya dengan penumpuan ke atas pemilihan bahan juga turut dibincangkan

This course covers design and maintenance of highway pavements which includes flexible and rigid pavements. Highway drainage with focus on selection of materials is also discussed

ECV3711 Ukur Kuantiti Binaan/ *Construction Quantity Measurement* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pengukuran kuantiti menurut kaedah piawai. Penyediaan bil dan dokumen kuantiti bagi kerja pembinaan turut dibincangkan

This course covers the quantity measurement according to the standard methods. Preparation of bills and document of quantity for construction works are also discussed

ECV3712 Pengurusan Projek/ *Project Management* 3 (3+0)

Prasyarat :Tiada

Kursus ini meliputi prinsip pengurusan projek kejuruteraan yang merangkumi kontrak pembinaan, penyelesaian pertikaian, dan perancangan. Penjadualan dan pengawasan projek serta anggaran dan penilaian tender juga turut dibincangkan

This course covers principles of engineering project management, which involves construction contract, settlement of disputes, planning. Scheduling and project supervision as well as tender estimation and evaluation are also discussed

ECV3713 Pemodelan Maklumat Bangunan Untuk Jurutera/ *Building Information Modelling for Engineers* 3 (3+0)

Prasyarat :Tiada

Kursus ini meliputi konsep, proses inovatif dan aplikasi Pemodelan Maklumat Bangunan dalam industri arkitektur, kejuruteraan dan pembinaan. Kemahiran komputer yang menggunakan Pemodelan Maklumat Bangunan ditekankan

The course covers concepts, innovative processes and application of Building Information Modelling in architecture, engineering and construction industries. Computer skills which utilise Building Information Modelling are emphasized

ECV4911 Latihan Industri/ *Industrial Training* 5 (0+5)

Prasyarat : Pelajar perlu melengkapkan 6 semester terlebih dahulu

Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar di industri/organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal yang telah dipelajari dengan amalan semasa di tempat kerja. Kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi turut diberi penekanan

In this course, students will be exposed to real working environment in industries/organizations. Training includes application of the theoretical and practical aspects that have been studied with current practices in the workplace. Problem solving and communication skills are also emphasized

ECV4947 Projek Reka Bentuk Kejuruteraan Awam/ *Civil Engineering Design Project* 4 (0+4)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi reka bentuk bersepadu bagi kejuruteraan awam berorientasikan pelbagai disiplin. Proses reka bentuk yang melibatkan kajian pasaran, perancangan dan pelaksanaan projek, analisis kos, dan penyediaan lukisan kejuruteraan terperinci dibincangkan. Aspek kesihatan dan keselamatan awam, kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi, dan persekitaran ditekankan

This course covers the integrated design of civil engineering in multidisciplinary orientation. Design processes involving market study, project planning and execution, cost analysis, and preparation of detailed engineering drawing are discussed. Aspects of public health and safety, culture, society, economics, and environment are emphasized

ECV4949 Projek Bachelo/ *Bachelor's Project* 6 (0+6)

Prasyarat : Pelajar Tahun Akhir

Kursus ini merangkumi aspek perancangan dan pelaksanaan projek. Ini termasuklah pemilihan tajuk, melaksanakan kajian kritis, mereka bentuk dan melaksanakan strategi kerja, mengumpul dan menganalisa data, serta mendokumentasi dan membentangkan hasil projek

This course covers the aspects of planning and executing project. These include title selection, conducting critical review, designing and performing work strategy, collecting and analysing data, documenting and presenting project output

- ECV4211 Analisis Struktur Lanjutan/ *Advanced Structural Analysis* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3213
- Kursus ini meliputi analisis struktur lanjutan ke atas kekuda, rasuk, kerangka, kelompong dan plat melalui kaedah matriks dan kaedah unsur terhingga. Ia juga melibatkan aplikasi perisian unsur terhingga
- This course covers advanced structural analysis on trusses, beams, frames, shells and plates using matrix and finite element methods. It also involves application of finite element software*
-
- ECV4212 Reka Bentuk Bangunan Tinggi/ *Design of Tall Buildings* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3213
- Kursus ini meliputi analisis dan reka bentuk struktur bangunan tinggi berlainan sistem. Ia juga termasuk aspek kejuruteraan gempa bumi
- This course covers analysis and design of multi-storey building structures of different systems. It also includes aspects of earthquake engineering*
-
- ECV4213 Kejuruteraan Jambatan/ *Bridge Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3213
- Kursus ini meliputi aspek perancangan, reka bentuk dan pembinaan jambatan termasuk substrukturnya. Ia juga melibatkan analisis pelbagai model jambatan dengan susunan beban yang berbeza menggunakan pelbagai kaedah
- This course covers aspects of planning, design and construction of bridges including its substructure. It also involves analysis of various bridge models with different load arrangement using various methods*
-
- ECV4214 Struktur Prategasan Dan Pratuang/ *Prestress and Precast Structures* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3213
- Kursus ini meliputi prinsip dan kaedah prategasan dan pratuang, bahan dan had tegasan, analisis dan reka bentuk anggota lenturan serta rasuk rencam. Kehilangan prategasan, keadaan had muktamad, pesongan dan reka bentuk struktur prategasan dan pratuang turut dibincangkan
- This course covers principles and analysis methods of prestress and precast, materials and stress limits, analysis and design of flexural members as well as composite beam. Loss of prestress, ultimate limit state, deflection and design of prestressed and precast structures are also discussed*
-
- ECV4215 Struktur Dinamik Dan Gempa Bumi/ *Structural Dynamics and Earthquake* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3213
- Kursus ini meliputi prinsip dinamik, yang meliputi daya dalam sistem dinamik dan getaran. Konsep asas kejuruteraan gempa bumi dan struktur rintangan seismik turut dibincangkan
- The course covers the principles of structural dynamics which include forces in dynamics and vibration systems. Basic concept of earthquake engineering and the seismic resistance structure are also discussed*

- ECV4311 Reka Bentuk Asas/ *Design of Foundation* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3314
- Kursus ini meliputi reka bentuk dan penaksiran pelbagai sistem asas, seperti asas rebak, asas rakit, dan asas cerucuk. Kaedah pembaikan tanah juga turut dibincangkan
- This course covers design and evaluation of various foundation systems, such as spread footing, raft foundation and piles. Soil improvement techniques is also discussed*
-
- ECV4312 Struktur Penahan/ *Retaining Structures* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3313
- Kursus ini meliputi analisis tekanan mengufuk dan reka bentuk struktur penahan. Ia juga melibatkan aplikasi perisian dalam analisis dan reka bentuk struktur penahan
- This course covers analysis of lateral pressure and design of retaining structures. It also involves applications of software in analysis and design of retaining structures*
-
- ECV4313 Kejuruteraan Geo-Persekitaran/ *Geo-Environmental Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3313
- Kursus ini meliputi masalah geoteknikal dan geo-persekitaran yang berkait dengan tanah dan bahan pencemar. Sistem pengurangan dan teknologi rawatan turut dibincangkan
- This course covers geotechnical and geo-environmental problems related to soil and contaminants. Containment system and treatment technologies are also discussed*
-
- ECV4314 Kejuruteraan Cerun/ *Slope Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3313
- Kursus ini meliputi analisis dan reka bentuk cerun tanah dan batuan untuk kestabilan serta perlindungan hakisan dan kerja pemuliharaan. Selain itu, kawalan hakisan melalui kaedah bioteknik juga ditekankan
- This course covers analysis and design of soil and rock slopes for stability as well as erosion protection and rehabilitation works. Besides that, erosion protection using biotechnic method is also emphasised*
-
- ECV4315 Kejuruteraan Terowong/ *Tunnel Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3311
- Kursus ini meliputi prinsip penerowongan, teknik pengukuhan bumi, reka bentuk dan analisis kestabilan terowong. Teknik pembinaan, pemantauan terowong serta kajian kes terpilih turut dibincangkan
- This course covers principles of tunneling, ground improvement techniques, design and analyses of tunnel stability. Construction techniques, monitoring of tunnels as well as selected case studies are also discussed*

- ECV4411 Kejuruteraan Sungai/ *River Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3414
- Kursus ini meliputi aspek kejuruteraan yang berkaitan dengan sungai seperti kestabilan sungai, anggaran pengangkutan enapan dan kerja tebatan banjir. Ia juga termasuk pembinaan struktur dalam sungai dan penjaan hidroelektrik
- This course covers aspects of engineering related to rivers, such as river stabilisation, estimation of sediment transport and flood control works. It also includes construction of structures in rivers and hydroelectric generation*
-
- ECV4413 Kejuruteraan Air Bumi/ *Groundwater Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3414
- Kursus ini meliputi pengeluaran dan aliran air bumi di dalam akuifer yang berlainan, reka bentuk telaga, pergerakan bahan cemar di dalam zon tepu dan zon tidak tepu. Kaedah kawalan dan pemulihan juga turut dibincangkan
- This course covers the production and flow of groundwater in different types of aquifers, design of well, transport of contaminants both in the unsaturated and saturated zones. control and remediation techniques are also discussed*
-
- ECV4412 Rawatan Air Dan Air Sisa/ *Water And Wastewater Treatment* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3413
- Kursus ini meliputi teknik lanjutan dalam rawatan air dan air sisa. Topik yang dibincangkan termasuk proses rawatan air bukan lazim, kaedah termaju bagi menyingkirkan nitrogen dan fosforus serta sistem penurasan membran
- This course covers advanced techniques in water and wastewater treatment. Among the topic discussed includes non-conventional water treatment processes, advanced methods of removing nitrogen and phosphorus, as well as membrane filtration system*
-
- ECV4414 Kejuruteraan Pengurusan Sisa Pepejal/ *Solid Waste Management Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3414
- Kursus ini meliputi pencirian sisa pepejal, reka bentuk tanah isian sanitari, teknologi yang bersesuaian dengan kitar semula dan penggunaan semula sisa pepejal. Perolehan tenaga boleh ubah dari sisa pepejal juga turut dibincangkan
- This course covers the characterisation of solid waste, design of sanitary landfill, appropriate technology with recycling and reuse of solid waste. Renewable energy recovery from solid waste is also discussed*
-
- ECV4415 Kejuruteraan Pantai/ *Coastal Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECV3412
- Kursus ini meliputi analisis mekanik gelombang laut dan pasang surut laut serta kesannya ke atas pantai. Aplikasi teknik kejuruteraan untuk perlindungan dan pembaikpulihan pantai juga turut dibincangkan
- This course covers analysis of sea wave mechanics and ocean tide as well as their effects on the coast. An application of engineering techniques for coastal shore protection and restoration is also discussed*

ECV4511 Kejuruteraan Geospasial/ *Geospatial Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3511

Kursus ini meliputi penggunaan teknologi sistem maklumat geografi (GIS) dan penderiaan jauh. Sistem navigasi satelit global (GNSS) dalam bidang kejuruteraan awam juga turut dibincangkan

This course covers the use of Geographic Information System (GIS) and Remote Sensing. Global Navigation Satellite System (GNSS) technologies in the civil engineering field are also discussed

ECV4611 Analisis Sistem Pengangkutan Jalan/ *Road Transportation System Analysis* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3612

Kursus ini meliputi segmen lebuh raya bebas, segmen jalinan dan simpang tanjakan. Ramalan permintaan perjalanan, penjanaan perjalanan, dan agihan perjalanan juga turut dibincangkan

This course covers freeway segment, weaving segment and ramp junctions. Travel demand forecasting, travel generation as well as travel distribution are also discussed

ECV4612 Kejuruteraan Turapan/ *Pavement Engineering* 3(3+0)

Prasyarat : ECV3613

Kursus ini meliputi teori, analisis, reka bentuk, penilaian dan pemulihan turapan yang merangkumi turapan boleh lentur dan turapan tegar. Turapan lain juga turut dibincangkan

This course covers the theory, analysis, design, evaluation and rehabilitation of pavemen that cover flexible and rigid pavements. Other pavements are also discussed

ECV4613 Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Raya/ *Road Construction and Maintenance* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3613

Kursus ini meliputi kaedah dan strategi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya. Topik yang dibincangkan termasuk perbincangan berkenaan jentera untuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya

This course covers the methods and strategies of road construction and maintenance. Among the topic discussed includes discussion on machines for construction and maintenance of roads

ECV4614 Keselamatan dan Pengurusan Trafik/ *Traffic Safety and Management* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3612

Kursus ini meliputi pengangkutan lestari, pengurusan trafik, penenangan trafik dan analisis kemalangan trafik. Pendekatan keselamatan trafik dan Sistem Pengangkutan Pintar juga turut dibincangkan

This course covers sustainable transport, traffic management, traffic calming and traffic accidents analysis. Traffic safety approach and Intelligent Transport Systems are also discussed

ECV4711 Teknologi Pembinaan/ *Construction Technology* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3712

Kursus ini meliputi perbincangan mengenai peralatan dan jentera bagi kerja pembinaan. Teknologi pembinaan masa kini termasuk sistem binaan berindustri juga turut dibincangkan

This course covers discussions on the equipment and machinery for construction works. Current construction technologies including industrialised building system are also discussed

ECV4712 Keusahawanan Industri Pembinaan/ *Construction Industry Entrepreneurship* 3 (3+0)

Prasyarat : ECV3712

Kursus ini meliputi keusahawanan dan perniagaan dalam industri pembinaan yang merangkumi pengenalan peluang perniagaan, unjuran aliran tunai, pembiayaan projek dan kawalan kos. Penyata kewangan dan etika perniagaan juga turut dibincangkan

This course covers entrepreneurship and business in construction industry, which cover identification of business opportunities, forecast of cash flow, project financing and project cost control. Financial statements and business ethics are also discussed

Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian/ Department of Biological and Agricultural Engineering

ENG3001 Matematik Kejuruteraan I/ *Engineering Mathematics I* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi matematik kejuruteraan asas termasuklah matriks, fungsi, pembezaan dan pengkamiran. Pelbagai aplikasi kejuruteraan yang menggunakan teknik matematik kejuruteraan asas ditekankan.

This course covers basic engineering mathematics including matrices, functions, differentiation and integration. Various engineering applications using basic engineering mathematical techniques are emphasized.

ENG3201 Lukisan Kejuruteraan Berbantu Komputer/ *Computer Aided Engineering Drawing* 3 (1+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan pengenalan kepada lukisan kejuruteraan yang lebih berfokuskan praktikal. Penekanan diberikan kepada penafsiran, pembinaan dan penerangan lukisan kejuruteraan menggunakan lukisan berbantu komputer (CAD). Piawaian dan konvensyen antarabangsa yang digunakan oleh jurutera juga dibincangkan.

This course is an introduction to engineering drawings with a greater focus on practicality. Emphasis is given on the interpretation, construction and explanation of engineering drawing using computer-aided drawing (CAD). International standards and conventions used by engineers are also discussed.

ENG3101 Seminar Kejuruteraan/ *Engineering Seminar* 1 (0+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai bidang dan disiplin dalam pengajian kejuruteraan, melibatkan pelajar dalam wacana akademik dan ilmiah, serta memberi pendedahan kepada skil dan kecekapan kejuruteraan profesional melalui seminar mingguan yang disampaikan oleh ahli akademik dan profesional. Peluang untuk jaringan dan interaksi dengan pelajar kejuruteraan lain, alumni, dan pengamal industri disertakan.

This course introduces students to the various fields and disciplines in the study of engineering, engages them in academic and scholarly discourses, and gives exposure to professional engineering skills and competencies through weekly seminars delivered by academics and professionals. Opportunities of networking and interaction with other engineering students, alumni, and industry practitioners are included.

ENG3002 Matematik Kejuruteraan II/ *Engineering Mathematics II* 3 (3+0)

Prasyarat : ENG3001

Kursus ini meliputi matematik kejuruteraan lanjutan termasuklah kaedah berangka dan jelmaan Laplace. Pelbagai aplikasi kejuruteraan yang menggunakan teknik matematik kejuruteraan lanjutan ditekankan.

This course covers advances engineering mathematics including numerical methods and Laplace transform. Various engineering applications using advanced engineering mathematical techniques are emphasized.

ENG3202 Pengaturcaraan Komputer/ *Computer Programming* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pengenalan kepada proses pembangunan aturcara komputer, teknik penyelesaian masalah dan penulisan kod. Penekanan juga diberikan kepada cara pengaturcaraan yang betul. Struktur pilihan dan kawalan, fungsi, tatasusunan, penempatan ingatan, rentetan dan fail dibincangkan.

This course covers an introduction to computer program development process, problem solving techniques and code writing. It emphasizes on good programming practice. Selection and control structures, functions, arrays, memory allocation, strings and files are also discussed.

EMM3116 Statik/ Statics 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah statik. Penekanan diberi kepada skalar dan vektor, sistem daya, keseimbangan zarah, keseimbangan jasad tegar, analisis struktur, geseran dan sentroid dan momen inersia.

This course covers the basic concepts, theories and methods of solving static problems. Emphasis given on scalar and vector, force system, equilibrium of particle, equilibrium of rigid body, structural analysis, friction and centroid and moment of inertia.

EAB3217 Sekitaran Biosistem/ Biosystems Environment 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi hubung kait alam tumbuhan dan haiwan, dan faktor alam sekitar yang mempengaruhi tumbesaran haiwan dan tumbuhan. Penekanan diberikan pada kawalan persekitaran untuk ternakan dan keperluan iklim untuk tanaman. Isu dan penyelesaian berkaitan dengan sekitaran biosistem dibincangkan.

This course covers the interaction between plant and animal kingdoms, and environmental factors that influence the crop growth and development. Emphasis is given on the environmental control for livestock and climatic requirements of crops. Issues and solutions related to the biosystems environment are discussed.

EAB3002 Pengurusan dan Latihan Bengkel/ Workshop Management and Practice 1 (0+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pengenalan dan pengurusan bengkel fabrikasi, keselamatan dalam pengendalian bengkel, mengenal alat dan peralatan serta fungsinya, mengenal bahan dan fungsinya, asas pengukuran, asas kerja pemotongan, asas kerja kimpalan, asas kerja larik, asas kerja kisar, pengendalian dan pengurusan projek.

This course covers the introduction and management of fabrication workshops, safety in the conduct of the workshop, identify tools and equipment and its functions, identify materials and its functions, basic measurement, basic of cutting work, basic of cutting welding, basic of lathe work, basic of mill work, handling and management of the project.

EMM3118 Dinamik/ Dynamics 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah dinamik untuk zarah dan jasad tegar. Kursus ini memberi penekanan kepada kinematik dan kinetik zarah, dan jasad tegar.

This course covers the basic concepts, theories and methods to solve problems in dynamics for a particle and rigid bodies. This course focuses on planar kinematics and kinetics.

EMM3316 Mekanik Bendalir I/ Fluid Mechanics I 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori mekanik bendalir dengan penekanan kepada statik, kinematik dan dinamik bendalir serta pengenalan kepada pam dan turbin. Ia juga membincangkan persamaan tenaga, tekanan, momentum disebabkan aliran bendalir, analisis dimensi, aliran di dalam paip dan teori lapisan sempadan.

This course covers the theory of fluid mechanics with emphasis on static, kinematics and fluid dynamics as well as introduction of pump and turbine. It also discusses the energy equation, pressure, momentum due to the fluid flow, dimensional analysis, flow in pipes and boundary layer theory.

EMM3226 Termodinamik I/ *Thermodynamics I*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah yang berkaitan termodinamik. Topik yang dibincangkan adalah hukum termodinamik pertama, proses tak alir, proses aliran, amalan proses aliran, hukum termodinamik kedua dan korolari hukum termodinamik kedua.

This course covers the basic concepts, theories and methods of solving problems related to thermodynamics. Topics discussed are the first law of thermodynamics, non-flow processes, flow processes, flow processes in practice, the second law of thermodynamics and corollaries of the second law.

EAB3313 Kejuruteraan Tanah/ *Soil Engineering*

3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi perkaitan fasa tanah, pengkelasan dan penentuan ciri-ciri fizikal tanah bagi struktur kejuruteraan. Penekanan diberikan pada analisis ciri-ciri fizikal tanah untuk penggunaan dan pengurusan tanah.

This course covers the soil phase relationships, classification and determination of physical properties of soils for engineering structures. Emphasis is given on the analysis of physical characteristics of soil for land use and management.

EAB3613 Peralatan untuk Sistem Biologi/ *Instrumentation for Biological Systems* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi ciri-ciri dan konsep sistem instrumentasi elektronik untuk sistem pertanian dan biologi. Kursus ini membincangkan elektronik asas; komponen utama dalam litar, pemprosesan isyarat, pemerolehan data dan sistem pemprosesan. Kursus ini juga merangkumi pelbagai jenis alat pengesanan untuk penyelesaian instrumentasi dan automasi untuk pengukuran khusus.

This course covers the characteristics and concept of electronic instrumentation systems for agricultural and biological systems. The course discusses the basic electronics; the main components in circuits, signal processing, data acquisition and processing systems. The course also covers different types of sensing devices for instrumentation and automation solutions for specialized measurements.

ECV3521 Kejuruteraan Geomatik/ *Geomatics Engineering*

3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi aspek teori dan amali teknik pengukuran untuk kejuruteraan seperti pengukuran jarak, aras, sudut dan pengukuran jarak secara tak langsung. Pengukuran topografi, luas dan isipadu, ukur pembinaan dan penyediaan lengkung jalan juga turut dibincangkan.

This course covers theoretical and practical aspects of surveying techniques for engineering such as levelling, angle measurement and indirect distance measurement. Topographic surveying, areas and volumes, construction surveying and road curve preparation are also discussed.

ENG3004	Statistik Kejuruteraan/ <i>Engineering Statistics</i>	3 (3+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini meliputi asas statistik, elemen teori kebarangkalian, pembolehubah rawak, taburan kebarangkalian, teori pensampelan, pengujian hipotesis, regresi lurus dan korelasi. Penekanan yang diberikan termasuklah taburan diskret, taburan selanjut serta selat keyakinan untuk min dan varians.		
<i>This course covers the fundamentals of statistics, elements of probability theory, random variables, sampling theory, hypothesis testing, linear regression and correlation. Emphasis given includes discrete distribution, continuous distribution as well as confidence interval for the mean and variance.</i>		
EAB3211	Prinsip Pemindahan Haba/ <i>Principles of Heat Transfer</i>	3 (3+0)
Prasyarat : EMM3226		
Kursus ini meliputi kaedah pengiraan pemindahan haba dalam konduksi, konveksi dan radiasi, hubungan di antara haba dan suhu mengikut prinsip pemindahan haba. Pendekatan kepada penilaian keperluan penukar haba dalam operasi sistem sebenar dibincangkan.		
<i>This course covers the methods of calculating heat transferred in conduction, convection and radiation, the relationship between heat and temperatures according to the principles of heat transfer. Approaches towards evaluating the need for heat exchangers in the operation of real systems is discussed.</i>		
EAB3317	Hidrologi/ <i>Hydrology</i>	3 (2+1)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini meliputi kajian mengenai komponen dan proses kitaran hidrologi serta penggunaan kaedah statistik dalam pengiraan hidrologi. Pergerakan air ke dalam tanah dan di antara fasa tanah turut dibincang. Kaedah menganalisis data sebagai alat pengurusan sumber air yang efisien ditekankan.		
<i>This course covers the components and processes of hydrologic cycle as well as the use of statistical methods in hydrologic calculations. The movement of water into the soil and between the phases of the soil are also discussed. Data analysis methods as tools for efficient water resources management is emphasized.</i>		
EAB3510	Reka Bentuk Mesin I/ <i>Machine Design I</i>	3 (2+1)
Prasyarat : EMM3116		
Kursus ini meliputi pertimbangan asas mekanik kejuruteraan dalam reka bentuk mesin. Konsep asas seperti tegasan dan terikan, pelbagai keadaan beban dan kegagalan statik dan kelesuan, dan kesan penyambungan kekal dan tidak kekal dibincangkan.		
<i>This course covers the basic consideration of engineering mechanics in the design of machines. Basic concepts such as the stress and strain, various conditions of loadings and failures in statics and fatigues, and the effect of using permanent and non-permanent joints are discussed.</i>		
EEE3031	Elektrik Kuasa dan Mesin/ <i>Electrical Power and Machines</i>	3 (2+1)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini meliputi konsep asas kuasa elektrik dan mesin serta operasi dan pengukuran. Ia memberi pengenalan kepada rangkaian arus terus, rangkaian ulang alik satu fasa dan tiga fasa, mesin elektrik dan aplikasinya.		
<i>This course covers the basic concept of electrical power and machines as well as operations and measurements. It gives introduction to direct current circuit, single-phase and three-phase alternating current circuits, electrical machines and its application.</i>		

EAB3515 Mesin Termal dan Bendalir/ *Thermal and Fluid Machines* 3 (2+1)

Prasyarat : EMM3316

Kursus ini meliputi prinsip operasi dan analisis lengkung ciri suatu peranti. Pengukuran input pengendalian, kecekapan dan padanan prestasi dengan tugas tertentu yang diinginkan dibincangkan.

This course covers the operating principles and characteristic curves analysis of a device. Measurement of operational inputs, efficiencies and the matching of the performance of a device to the specified task desired are discussed.

EAB3015 Sifat Kejuruteraan Bahan Pertanian/ *Engineering Properties of Agricultural Materials* 3 (3+0)

Prasyarat : EAB3510

Kursus ini meliputi perilaku bahan hasil daripada sifat-sifatnya dan kepentingan untuk menerapkan kebolehubahan ini dalam pembangunan sesuatu mesin atau proses. Aspek pembangunan yang disentuh adalah penilaian kualiti, pengukuran ciri-ciri intrinsik dan pertimbangan ciri-ciri dalam reka bentuk.

This course covers material behaviours resulting from its properties and the importance of incorporating these variabilities in the development of a machine or process. Developmental aspects touched on are quality evaluation, measurement of intrinsic properties and consideration of properties in design.

EAB3511 Reka Bentuk Mesin II/ *Machine Design II* 3 (3+0)

Prasyarat : EAB3510

Kursus ini meliputi reka bentuk, pemilihan mekanisme dan unsur mesin yang lazimnya digunakan dalam jentera dan alat pertanian. Keperluan spesifik jentera, analisis statik dan dinamik turut dibincangkan.

This course covers the design, selection of mechanisms and machine elements that are commonly used in agricultural machines and implement. Specific requirements of machinery, static and dynamic analysis are also discussed.

EAB3615 Kejuruteraan Kawalan dan Automasi/ *Control Engineering and Automation* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip, reka bentuk, penggunaan sistem kawalan dan kejuruteraan automasi. Teknik asas reka bentuk digabungkan dengan pengetahuan simulasi bagi menganalisis komponen reka bentuk sistem automasi. Aplikasi kejuruteraan kawalan dan automasi dalam sektor pertanian turut diberi penekanan.

This course covers the principles, design, use of control system and automation engineering. Basic design techniques are combined with simulation knowledge to analyse automation design components. Control engineering and automation applications in the agricultural sector are also emphasized.

EAB3318 Hidraulik/ *Hydraulics* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip aliran hidraulik, kehilangan dalam aliran paip, talian paip dan rangkaian paip, hubungan tenaga dan kedalaman aliran. Aliran seragam bagi terusan terbuka, teori dan pengiraan bagi aliran yang berubah secara beransur dan aliran terusan terbuka yang berubah secara pantas dibincangkan.

This course covers the principles of hydraulic flow, losses in pipe flows, pipelines and pipe networks, energy and depth flow relationships. Uniform open channel flows, theory and computations of gradually varied flows and rapidly varied open channel flows are discussed.

EAB3213 Kejuruteraan Pemprosesan Pertanian/ *Agricultural Process Engineering* 3 (2+1)

Prasyarat : EAB3211

Kursus ini meliputi operasi yang terlibat dalam pemprosesan bahan pertanian. Penekanan diberikan pada aplikasi prinsip dan amalan kejuruteraan terhadap operasi lepas tuai, pemprosesan bahan pertanian dan sumber-bio. Elemen kawalan dalam pemprosesan bahan pertanian dibincangkan.

This course covers the operation involved in the processing of agricultural materials. Emphasis is given on the application of engineering principles and practices for post harvest operations, processing of agricultural and bioresource materials. Control elements in the processing of agricultural materials is discussed.

EAB3517 Jentera Perladangan/ *Plantation Machinery* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi reka bentuk jentera, alat dan penggunaannya untuk kerja ladang bermula daripada pembukaan kawasan sehingga pemungutan dan pengangkutan hasil ladang. Pengurusan jentera dan peralatan ladang dalam penyediaan rancangan perniagaan pengeluaran pertanian turut dibincangkan.

This course covers the design of farm machinery, implements and their use in farm work from land clearing to collection and transportation of farm produce. Farm machinery and implement management in the preparation of a business plan for agricultural production are also discussed.

EAB3012 Analisis dan Reka Bentuk Struktur/ *Analysis of Design Structures* 3 (3+0)

Prasyarat : EMM3116

Kursus ini merangkumi analisis struktur konkrit dan reka bentuk anggota konkrit mengikut kod Amalan Eurocodes untuk memenuhi keperluan reka bentuk struktur ladang yang bersesuaian dengan keadaan tempatan. Kursus ini menekankan analisis momen lentur, daya ricih, pesongan dan daya dalaman bagi pelbagai reka bentuk struktur dan anggota konkrit yang mematuhi prinsip reka bentuk keadaan had muktamad.

This course covers the analysis of concrete structures and the designing of concrete members according to the Eurocodes Practice to meet the requirement of designing the farm structure suitable with local conditions. This course emphasizes on the analysis of bending moment, shear force, deflection and internal force of various structures and concrete member design that comply with the principle of limit state design.

ENG3103 Pengurusan Projek/ *Project Management* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek pengurusan projek dalam organisasi dan teknik kepimpinan yang betul. Ia meliputi prosedur untuk memulakan projek, perancangan dan penjadualan kaedah, mengembangkan rangkaian, mengenal pasti laluan kritikal, kawalan projek dan penutupan.

This course covers the aspects of project management in organization and the correct leadership techniques. It includes procedures to initiate the project, planning and scheduling methods, developing the network, identifying the critical path, project control and closure.

EAB3209 Pengurusan Sisa Pertanian/ *Agricultural Waste Management* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip dalam menilai impak sisa pertanian ke atas alam sekitar serta menjustifikasikan kesesuaian proses rawatan sama ada rawatan biologi (rawatan aerobik atau anaerobik), rawatan fizikal atau kimia dalam mereka bentuk sistem rawatan sisa pertanian. Rawatan sisa pepejal dan kawalan pencemaran udara hasil berkaitan aktiviti industri pertanian ditekankan.

This course covers the principles to evaluate the impact of agricultural waste on the environment and to justify the suitable treatment process either biological processes (aerobic or anaerobic treatment), physical or chemical treatments in order to design the waste treatment system. The treatments of the solid waste and air pollution control related to agricultural industrial activities are also emphasized.

EAB3412 Teknologi Sistem Maklumat Geografi/ *Geographic Information System Technology* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pembangunan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Penekanan diberikan pada struktur data GIS, sistem pengurusan pangkalan data berkait, pemerolehan dan persembahan data, analisis spatial, dan penggunaan GIS.

This course covers Geographical Information System (GIS) development. Emphasize is given on GIS data structure, relational database management system, data acquisition and presentation, spatial analysis, and the use of GIS.

EAB3319 Kejuruteraan Pengairan dan Penyaliran/ *Irrigation and Drainage Engineering* 3 (2+1)

Prasyarat : EAB3318

Kursus ini meliputi hubungan tanah, air, tanaman dan iklim bagi tujuan perancangan, rekabentuk dan operasi pengairan dan penyaliran sistem pertanian. Pelbagai sistem pengairan dan penyaliran, pengiraan reka bentuk, pengurusan dan operasi, termasuk pemilihan pam turut dibincangkan.

This course covers soil, water, plant and climate relationships for planning, design and operation of irrigation and agricultural drainage systems. Various irrigation and drainage systems, design calculation, management and operations, including pump selection are discussed.

ENG3102 Ekonomi Kejuruteraan/ *Engineering Economy* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi penilaian sistematik kos dan manfaat yang berkaitan dengan projek kejuruteraan. Ia membincangkan konsep seperti nilai masa wang, kaedah aliran tunai berdiskaun dan membuat keputusan kewangan dalam persekitaran kejuruteraan.

This course covers the systematic evaluation of the costs and benefits associated with engineering projects. It discusses concepts such as the time value of money, methods of discounted cash flow and financial decision making within engineering environment.

ENG4901 Latihan Industri/ *Industrial Training* 5 (0+5)

Prasyarat : Pelajar perlu melengkapkan 6 semester terlebih dahulu

Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar di industri/organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal yang telah dipelajari dengan amalan semasa di tempat kerja. Kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi turut diberi penekanan.

In this course, students are exposed to real working environment in industries/organizations. Training includes application of the theoretical and practical aspects that have been studied with current practices in the workplace. Problem solving and communication skills are also emphasized.

EAB4948 Projek Reka Bentuk Bersepadu Kejuruteraan Pertanian dan 4 (0+4)
 Biosistem/ *Agricultural and Biosystems Engineering Integrated
 Design Project*

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi projek reka bentuk integrasi kejuruteraan pertanian dan biosistem berorientasikan pelbagai disiplin. Proses reka bentuk yang melibatkan kajian pasaran, perancangan dan pelaksanaan projek, pemodelan dan simulasi, analisis kos, pembangunan dan pengujian prototaip ditekankan. Aspek kesihatan dan keselamatan awam, kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi dan persekitaran dibincangkan.

The course covers the integrated design project of agricultural and biosystems engineering in multi-disciplinary orientation. Design processes involving market study, project planning and execution, modelling and simulation, cost analysis and prototype development and testing are emphasized. Aspects of public health and safety, culture, society, economics and environment are discussed.

ENG4949 Projek Bachelior/ *Bachelor's Project* 6 (0+6)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek perancangan dan pelaksanaan projek. Ini termasuklah memilih tajuk, melaksanakan kajian kritis, mereka bentuk dan melaksanakan strategi kerja, mengumpul dan menganalisis data, serta mendokumentasi dan membentangkan hasil projek.

This course covers the aspects of planning and executing project. These include selecting title, conducting critical review, designing and performing work strategy, collecting and analysing data, documenting and presenting project output.

ENG3104 Jurutera dan Masyarakat/ *Engineers and Society* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi profesion, etika dan tanggungjawab jurutera berkaitan dengan isu alam sekitar, sosio-ekonomi, kelestarian, keselamatan dan kesihatan, sistem perundangan, undang-undang kontrak dan pengurusan. Kursus ini juga melibatkan pengaplikasian pengetahuan kejuruteraan melalui aktiviti kerjasama dengan komuniti.

This course covers the engineers' profession, ethics and responsibility in relation to environmental, socio-economic, sustainability, safety and health issues, legal system, contract law and management. This course also involves application of engineering knowledge through joined activities with the community.

EAB4217 Teknologi Proses Lepas Tuai/ *Postharvest Process Technology* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi teknologi pemprosesan bagi lepas tuai untuk bijirin, sayuran, buahan dan tanaman tunai. Konsep reka bentuk aliran proses termasuk teknik penyejukan, pengeringan, pelapisan, penggredan, penyampaian dan penyimpanan ditekankan. Kaedah pembungkusan dan pengesanan juga turut dibincangkan.

This course covers the processing technology of postharvest for grains, vegetables, fruits and cash crops. Design concept of process flow includes cooling, drying, coating, grading, conveying and storing techniques are emphasized. Packaging method and tracing are also discussed.

EAB4218 Operasi Unit/ *Unit Operations* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan perubahan yang berlaku kepada bahan input apabila melalui proses-proses kimia, fizik dan biologi untuk menjadi produk akhir. Penekanan diberikan pada analisis proses yang dibuat melalui pemecahan proses kepada beberapa langkah terpisah dan berlainan yang dipanggil operasi unit.

This course discusses the changes that occur to input materials when going through chemical, physical and biological processes to become final products. Emphasis is given on the process analysis which is made by breaking down the process into separate and distinct steps called unit operations.

EAB4219 Sekitaran Terkawal/ *Controlled Environment*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi kemahiran merancang dan mereka bentuk sistem pengeluaran tanaman dan ternakan berdasarkan keperluan persekitaran optimum. Penekanan diberikan pada pengetahuan tentang sistem kawalan automasi bagi pengeluaran yang lebih produktif.

This course covers skills to plan and design crops and animal production systems based on optimum environmental requirements. Emphasis is given on knowledge on automation controls system for more productive production.

EAB4220 Kejuruteraan Lepas Tuai/ *Postharvest Engineering*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi operasi kejuruteraan lepas tuai bagi pelbagai tanaman termasuk bijirin, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman akar. Sistem pengendalian hasil tanaman dan cara untuk menilai keberkesanannya dibincangkan.

This course covers postharvest engineering operation of several crops includes grains, fruits, vegetables and root crops. Crop yield handling systems and ways to evaluate their effectiveness are discussed.

EAB4309 Hakisan dan Tanah Kawalan/ *Postharvest Engineering*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan prinsip hakisan tanah, pembentukan hakisan gegeluk dan struktur pengawalannya. Model anggaran kehilangan tanah, pembangunan hakisan tebing sungai yang diakibatkan oleh aliran sungai, definisi keterhakisan dan kebolehhakisan dibincangkan. Konsep pemuliharaan tanah dan kaedah pengawalan efektif untuk hakisan tanah juga dibincangkan merangkumi pembinaan struktur khusus dan amalan pertanian bagi mengurangkan impak hakisan tanah.

This course focuses on the principles of soil erosion, the formation of gully erosion and its control structures. Models for estimating soil loss, the development of stream bank erosion due to stream flows, the definition of erosivity and erodibility are discussed. The concepts of soil conservation and effective control methods for soil erosion are also discussed covering the construction of specific structures and agricultural practices to reduce the impact of soil erosion.

EAB4313 Struktur Hidraulik Pertanian/ *Hydraulic Structures of Agriculture*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pemahaman yang meluas mengenai prinsip-prinsip asas dalam mereka bentuk struktur hidraulik untuk pertanian. Kursus memberi penekanan tentang analisis dan reka bentuk hidraulik bagi pelbagai struktur termasuk struktur bagi penyaliran pertanian.

This course covers a broad understanding of the basic principles of designing hydraulic structures for agriculture. The course emphasizes on analysis and hydraulic design of various structures including structures for agricultural drainage.

EAB4316 Air Bumi/ Groundwater

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi asas aliran dan pengangkutan sub-permukaan, menekankan penyiasatan dan pembangunan air bumi. Kepentingan pengekstrakan air bumi secara lestari dan penilaian menggunakan pemodelan dan kesan terhadap alam sekitar turut ditekankan.

This course covers the basics of flow and sub-surface transport, emphasizes on the investigation and development of groundwater. The importance of sustainable groundwater extraction and assessment using modeling and impact on the environment are also emphasized.

EAB4317 Kejuruteraan Akuakultur/ Aquacultural Engineering

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pembelajaran tentang proses biologi, fizikal dan teknikal yang terlibat dalam akuakultur. Reka bentuk sistem tertutup, terbuka, dan bersepadu serta prinsip pengurusan dalam pengeluaran akuakultur turut dibincangkan.

This course covers the learning of biology, physical and technical processes involved in aquaculture. Enclosed, open and integrated system design and management principles in aquaculture production are also discussed.

EAB4417 Analisis dan Pemodelan Sistem Pertanian/ Agricultural System Modeling Analysis 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi teori asas dan pembangunan model matematik dalam sistem pertanian. Pembinaan model matematik, keperluan data dan perisian yang digunakan untuk simulasi dan analisis model sistem pertanian dibincangkan.

This course covers the basic theoretical and development of mathematical models in agricultural systems. The construction of mathematical models, data requirements and software used to simulate and analyse the agricultural systems are discussed.

EAB4418 Sistem Kecerdikan untuk Kejuruteraan Pertanian dan Bisosistem/ Intelligent Systems for Agricultural and Biosystems Engineering 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan aplikasi sistem kecerdikan bagi mengendalikan data besar dalam kejuruteraan pertanian dan biosistem. Teknik asas penglihatan mesin, penilaian keupayaan kecerdikan buatan dan reka bentuk model penyelesaian masalah menggunakan peralatan dan perisian komputer dibincangkan.

Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar di industri/organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal yang telah dipelajari dengan amalan semasa di tempat kerja. Kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi turut diberi penekanan		
<i>In this course, students are exposed to real working environment in industries/organizations. Training includes application of the theoretical and practical aspects that have been studied beforehand on current practices at the workplace. Problem solving and communication skills are also emphasized</i>		
ECH4949	Projek Bachelior/ <i>Bachelor's Project</i>	6 (0+6)
Prasyarat : Pelajar Tahun Akhir		
Kursus ini merangkumi aspek perancangan dan pelaksanaan projek. Ini termasuklah pemilihan tajuk, melaksanakan kajian kritis, mereka bentuk dan melaksanakan strategi kerja, mengumpul dan menganalisis data, serta mendokumentasi dan membentangkan hasil projek		
<i>This course covers the aspects of planning and executing project. They include selecting title, conducting critical review, designing and performing work strategy, collecting and analysing data, documenting and presenting project output</i>		
ECH4201	Proses-Proses Pemulihan/ <i>Recovery Processes</i>	3 (3+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini meliputi konsep pemulihan dan penulenan produk dari perspektif teknologi dan kejuruteraan. Penekanan terhadap prinsip, operasi dan aplikasi berkaitan pemprosesan hiliran, proses-proses pemulihan, operasi penulenan, serta proses penggilapan produk		
<i>This course covers the concept of recovery and product purification from technology and engineering perspectives. The principles, operations and applications of downstream processings, recovery processes, purification operations and product polishing processes are emphasized</i>		
ECH4202	Rekabentuk Kejuruteraan Biorektor/ <i>Bioreactor Engineering Design</i>	3 (3+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini meliputi konsep reka bentuk, operasi bioreaktor serta sistem sokongan. Penggunaan prinsip fenomena angkut yang melibatkan pemindahan haba dan jisim dijelaskan		
<i>This course covers the design concepts, operations of bioreactor and the support system. The application of transport phenomena principles that encompass on heat and mass transfer is elucidated</i>		
ECH4203	Teknologi Fermentasi/ <i>Fermentation Technology</i>	3 (3+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini meliputi topik berkaitan teknologi fermentasi, penggunaannya dalam penghasilan produk, pembangunan strain serta proses kultur sel. Elemen berkaitan ekonomi proses dan produk serta strategi untuk perkembangan masa hadapan turut dirangkumi		
<i>This course covers the topics on fermentation technology and its applications in product formation, strain development and cell culture process. Elements related to the economy of the processes and products combined with future development strategies are also covered</i>		

- ECH4204 Kejuruteraan Farmaseutikal/ *Pharmaceutical Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi konsep asas kejuruteraan farmaseutikal yang merangkumi ciri kimia dan fizik produk farmaseutik, reka bentuk proses dan loji bahan farmaseutikal, serta penjagaan dan pematuhan kualiti loji dan produk farmaseutikal
- This course covers the fundamental of pharmaceutical engineering including the physical and chemical properties of pharmaceutical products, the pharmaceutical plant and process design, as well as the quality assurance and compliance of pharmaceutical plant and its products*
-
- ECH4205 Reka Bentuk dan Keselamatan Produk/ *Product Design and Safety* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi konsep reka bentuk produk dengan penekanan kepada peranan idea, keperluan pengguna, kriteria pemilihan dan pembangunan proses dalam pembuatan produk. Aspek keselamatan produk berkaitan dengan akta, piawaian, isu halal dan kaedah ujian dibincangkan
- This course covers the concepts in product design that emphasizes on the roles of ideas, customer needs, selection criteria and process development in product manufacturing. Product safety aspects related to acts, standards, halal issues and testing methods are discussed*
-
- ECH4303 Kejuruteraan Petroleum Dan Gas Asli/ *Petroleum and Natural Gas Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi polisi dan perspektif menyeluruh berkaitan kedudukan industri petroleum dan gas dalam tren ekonomi masa kini. Huraian lengkap berkenaan dengan bahan suapan, produk, teknik pemprosesan, penghantaran dan pengedaran petroleum, gas asli dan produk berkaitan dari sumber sehingga ke pengguna dibincangkan
- This course covers the policy and overall perspective of the position of petroleum and gas industry in the current economics trend. Detailed descriptions on the feedstocks, products, processing techniques, transportation and transmission of petrolea, natural gas and the associated products from the source to the consumers are discussed*
-
- ECH4304 Mekanik Bendalir Lanjutan Untuk Jurutera Kimia/ *Advanced Fluid Mechanics for Chemical Engineers* 3 (3+0)
- Prasyarat : EMM3305
- Kursus ini meliputi kaedah lanjutan mekanik bendalir kejuruteraan kimia. Huraian dan analisis berkaitan fenomena lapisan sempadan, aliran bendalir, penyelesaian hampir persamaan Navier-Stokes serta kaedah pengkomputeran diberi penekanan
- This course covers the advanced chemical engineering fluid mechanics methods. Descriptions and analyses on boundary layer phenomena, fluid flows, approximations of Navier-Stokes equation as well as computational methods are emphasized*
-
- ECH4305 Reka Bentuk dan Integrasi Proses/ *Process Design and Integration* 3 (3+0)
- Prasyarat : ECH3116

Kursus ini meliputi konsep integrasi proses kimia, konsep teknologi jepitan, reka bentuk rangkaian unit operasi utama dan reka bentuk rangkaian sistem utiliti di loji pemprosesan

This course covers the chemical process integration concepts, concepts of pinch technology, the designs of major unit operations networks and the utility system networks in the processing plants

ECH4306 Kejuruteraan Proses dan Produk/ *Process and Product Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi aspek pembangunan, pemprosesan dan pembuatan produk. Elemen yang ditekankan termasuk penyediaan spesifikasi produk sasaran, pembuatan dan pemprosesan produk, sintesis bahan kimia khas serta analisa ekonomi

This course covers the aspects on product development, processing and manufacturing. Elements that are emphasized include provision of targeted product specification, manufacturing and processing of products, synthesis of specialty fine chemicals and economic analysis

ECH4308 Kawalan Proses Lanjutan/ *Advanced Process Control* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi reka bentuk dan pelaksanaan konsep kawalan proses lanjutan dengan penekanan pada kaedah dan teknik yang mempunyai kesan yang signifikan terhadap amalan perindustrian. Sistem Berbilang-Masukan-Berbilang-Keluaran, sistem kawalan digital, teknik pemodelan lanjutan, kawalan ramalan model dan kecerdasan buatan ditekankan

This course covers the design and implementation of advance process control concepts with the emphasis on methods and techniques that have had significant impact on industrial practices. Multi-Input-Multi-Output systems, digital control system, advance modelling techniques, model predictive control and artificial intelligence techniques are emphasized

ECH4401 Kejuruteraan Polimer/ *Polymer Engineering* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi konsep kejuruteraan polimer yang merangkumi sintesis, sifat, pencirian, pemprosesan dan aplikasi polimer dan kopolimer. Peluang keusahawanan dalam bidang kejuruteraan polimer dibincangkan

This course covers the concepts of polymer engineering that include the syntheses, properties, characterizations, processings and applications of polymers and copolymers. Entrepreneurship opportunities in polymer engineering field are discussed

ECH4402 Teknologi Zarah/ *Particle Technology* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi teori dan kaedah mereka bentuk alatan pemprosesan, penyimpanan dan pengangkutan zarah. Ciri, sifat dan perlakuan zarah pepejal dalam pelbagai keadaan dibincangkan secara terperinci

This course covers the theory and equipment design technique for particle processing, storage and transportation. The characteristics, properties and behaviours of solid particles at various conditions are deliberated

- ECH4404 Pemprosesan Bahan Nano/ *Nanomaterials Processing* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi konsep sintesis dan teknik pemprosesan partikel nano dan bahan nano. Perkaitan antara kaedah pertumbuhan dengan sifat dan ciri bahan nano dicakupi. Selain itu aplikasi bahan nano sebagai bahan pintar dibincangkan
This course covers the synthesis and processing concept of nanoparticles and nanomaterials. Relationship between the growth methods with the properties and characteristics of the nanomaterials are included. The application of nanomaterial as smart material is discussed
- ECH4405 Kejuruteraan Elektrokimia/ *Electrochemical Engineering* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi prinsip proses dan reka bentuk kejuruteraan sel elektrokimia. Proses angkutan dan tindakbalas kimia di dalam sel elektrokimia serta aplikasi prinsip elektrokimia dalam industri diuraikan
This course covers the principles of process and engineering design of electrochemical cells. The transport processes and chemical reactions in the electrochemical cells as well as various types of application of electrochemistry in industries are elucidated
- ECH4406 Analisa Bahan/ *Materials Analysis* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi aspek teori dan teknik analitikal bagi pencirian fizikal dan kimia bahan. Prinsip dan operasi peralatan analitikal, kaedah penyediaan sampel dan prosedur penentuan ukuran dicakupi
This course covers the theoretical aspects and analytical techniques used for physical and chemical characterization of materials. The principles and operations of the analytical equipment, sample preparation methods and calibration procedures are included
- ECH4501 Pengurusan dan Utilisasi Sisa/ *Management and Utilisation of Waste* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi penerangan dan perbincangan mengenai peraturan alam sekitar dan pengurusan sisa. Ciri pelbagai sisa, teknik pengurusan sisa dan kaedah pelupusannya serta teknologi alternatif melalui konsep penggunaan semula diterangkan.
This course covers the description and discussion on environmental regulation and waste management. The characteristics of various wastes, waste management techniques and its disposal methods as well as alternatives technologies through reuse concepts are explained
- ECH4503 Kejuruteraan Pencemaran Udara/ *Air Pollution Engineering* 3 (3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi perbincangan mengenai pencemaran udara. Akta dan peraturan berkaitan alam sekitar, kesan bahan pencemar kepada manusia dan persekitaran serta kaedah yang digunakan untuk mengukur dan mengawal kadar pencemaran udara menjadi fokus utama
This course covers the discussion on air pollutions. Acts and regulations related to environment, effects of pollutants on human and surroundings as well as methods used to measure and control the air pollution rate are the main focus

- ECH4504 Kejuruteraan Sisa Pepejal/ *Solid Waste Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi pelbagai aspek berkaitan jenis dan kaedah pengendalian sisa pepejal perbandaran yang berbeza. Kepentingan peraturan dan akta serta pengurusan sisa pepejal melalui pelbagai kaedah dicakupi
- This course covers various aspects related to the different types and methods in handling the municipal solid waste. The importance of regulations and acts as well as solid waste management through various techniques are included*
-
- ECH4505 Kejuruteraan Hijau/ *Green Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini memberi fokus kepada pembangunan lestari dan kejuruteraan hijau. Penekanan diberikan kepada konsep reka bentuk hijau yang menilai risiko, analisis kitar hidup dan penggunaan blok binaan dalam reka bentuk hijau
- This course focuses on the sustainable development and green engineering. Emphasis is on green design concepts that evaluate risks, life cycle analysis and application of building blocks in green design*
-
- ECH4506 Tenaga Boleh Diperbaharui/ *Renewable Energy* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi pelbagai teknologi untuk menjana tenaga boleh diperbaharui. Faktor polisi dan insentif kerajaan, alam sekitar, ekonomi dan geografi diuraikan
- This course covers various technologies to generate renewable energy. Governmental policies and incentives, environmental, economical and geographical elements are elucidated*
-
- ECH4507 Kejuruteraan Air/ *Water Engineering* 3 (2+1)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi pelbagai aspek penting dalam kejuruteraan air. Proses dan prosedur rawatan air serta penilaian dan penentuan kualiti air dilaksanakan. Pematuhan terhadap piawai air dibincangkan
- This course covers various important aspects in water engineering. Processes and procedures for water treatment as well as evaluation and determination of water quality are conducted. Compliances to water standards are discussed*
-
- ECH4508 Kejuruteraan Air Sisa/ *Wastewater Engineering* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi pencemar, kawalan pencemaran dan kaedah rawatan air sisa. Rawatan dan kaedah pembuangan kumbahan serta penggunaan semula air sisa dibincangkan
- This course covers the waste water pollutants, pollution control and its treatment methods. Sewage treatment and disposal methods as well as waste water reusage are discussed*
-
- ECH4509 Pengurusan Sisa Toksik Dan Berbahaya/ *Toxic and Hazardous Waste Management* 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi aspek berkaitan pengurusan dan pemantauan sisa toksik dan berbahaya. Konsep pengurusan sisa menyeluruh serta perundangan berkaitan diuraikan. Kajian kes berkaitan salah pengurusan sisa toksik dan berbahaya dan impaknya dibincangkan

This course covers the aspects related to toxic and hazardous wastes management and its monitoring. The comprehensive waste management concepts and relevant laws are elucidated. Case studies on mismanagement of toxic and hazardous wastes and the impacts are discussed

Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi/ Department of Computer and Communication Systems Engineering

ECC3122 Algoritma Kejuruteraan/ *Engineering Algorithms* 3(3+0)

Prasyarat : ENG3202

Kursus ini merangkumi kajian sistematik algoritma dalam masalah kejuruteraan. Ini termasuk analisis algoritma, struktur data, algoritma asas untuk menyisih dan mencari, pencincangan, graf dan reka bentuk algoritma dan pengoptimuman.

This course covers a systematic study of algorithms in engineering problems. This includes the algorithm analysis, data structure, fundamental algorithms for sorting and searching, hashing, graphs and algorithm design and optimization.

ECC3123 Komunikasi Digit/ *Digital Communications* 3(3+0)

Prasyarat : ENG3002

Kursus ini meliputi penghantaran dan penerimaan data melalui kaedah digit. Ini termasuk kaedah pemodulatan, kepelbagaian dan pelbagai input pelbagai output (MIMO), pengkodan sumber, pengkodan saluran dan pengesanan.

This course covers the transmission and reception of data by means of digital techniques. This includes modulation techniques, diversity and Multiple Input Multiple Output (MIMO), source coding, channel coding, and detection.

ECC3129 Litar Komunikasi Elektronik/ *Electronic Communication Circuits* 3(3+0)

Prasyarat : EEE3801

Kursus ini merangkumi elemen utama dalam sistem komunikasi elektronik analog yang menekankan pelbagai jenis litar penghantaran dan penerimaan. Isyarat dan hingar, pemodulatan amplitud dan frekuensi serta litar komunikasi jalur sisi tunggal (SSB) juga dibincangkan.

This course covers main elements in the analogue electronic communication system which emphasizes various types of transmission and reception circuits. Signal and noise, amplitude and frequency modulations as well as Single Sideband (SSB) communications circuit are also discussed.

ECC3161 Amali Sistem Komputer dan Komunikasi II/ *Computer and Communication Systems Practical I* 1(0+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi amali analisis litar elektronik, litar digit dan teknologi mikropemproses. Ini merangkumi asas litar elektronik, teknik analisis litar elektronik di dalam rangkaian DC dan AC serta sambutan litar RLC. Di samping itu, operasi dan penggunaan litar logik bergabung dan jujukan akan dianalisis. Pengantaramuka dengan seni bina dalaman mikropemproses, sistem ingatan dan peranti persisian akan juga dikaji.

This course covers the experiment of electronic circuit analysis, digital circuits and microprocessor technology. This includes basic electronic circuits, electronics circuit analysis techniques in DC and AC networks and RLC circuit response. In addition, combinational and sequential logic circuits operations and applications will be analyzed. Interfacing with internal microprocessor micro architecture, memory system and peripheral devices will also be investigated.

ECC3162 Amali Sistem Komputer dan Komunikasi II/ *Computer and Communication Systems Practical II* 1(0+1)

Prasyarat : ECC3161

Kursus ini meliputi amali elektronik analog dan sistem digital. Ia termasuk mereka bentuk dan menganalisis litar elektronik menggunakan peranti pasif dan aktif. Penggunaan perisian reka bentuk berbantu komputer (CAD) untuk mereka bentuk dan menyelaku sistem digital adalah ditekankan sebelum implementasi di atas papan FPGA.

This course covers the experiment of analog electronics and digital systems. It includes designing and analyzing electronic circuits using passive and active devices. The usage of computer aided design (CAD) software to design and simulate digital systems are emphasized before implementation on Field Programmable Gate Array (FPGA) board.

ECC3163 Amali Sistem Komputer dan Komunikasi III/ *Computer and Communication Systems Practical III* 1(0+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi eksperimen reka bentuk sistem terbenam dan litar komunikasi elektrik. Penekanan eksperimen termasuklah reka bentuk perkakasan, pengujian perkakasan dan alat serta perisian pembangunan.

This course covers the experiment of embedded computer system design and electric communication circuit. The course emphasis on the hardware testing, processor coding and debugging tools in embedded system design.

ECC3164 Amali Sistem Komputer dan Komunikasi IV/ *Computer and Communication Systems Practical IV* 1(0+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi eksperimen komunikasi digital, komunikasi optik dan rangkaian komputer. Ini termasuk pengekodan garis, teknik modulasi dan demodulasi, peralihan, konfigurasi penghalaan statik dan dinamik. Kursus ini juga akan meliputi fiber optik dan peranti, dan sistem penghantaran optik yang menyajikan data penghantaran asli sebelum penukaran elektrik-ke-optik dan optik-ke-elektrik pemancar dan penerima optik, masing-masing.

This course covers the experiment of digital communications, optical communications and computer networks. This includes line coding, modulation and demodulation techniques, switching, static and dynamic routing configuration. The course will also cover optical fibre and devices, and optical transmission systems which present the original transmit data before the conversions of electrical-to-optical and optical-to-electrical of an optical transmitter and receiver, respectively.

ECC3214 Seni Bina Komputer/ *Computer Architecture* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip umum seni bina dan organisasi komputer untuk pengkomputeran moden. Ini termasuk konsep reka bentuk seni bina dan penilaian prestasi disusun di sekitar blok

bangunan utama; pemproses, ingatan dan bus/rangkaian. Penekanan turut diberikan kepada perkembangan dan perbezaan antara pelbagai sistem komputer terkini.

This course covers general principles of computer architecture and organization for modern computing. This includes architectural design concepts and performance evaluation structured around primary building blocks of computing systems; processors, memories and bus/networks. Emphasis is also given on development and differences between various modern computer systems.

ECC3215 Sistem Pengoperasian/ *Operating Systems* 3(3+0)

Prasyarat : ECC3214

Kursus ini merangkumi prinsip sistem pengoperasian termasuk pengurusan proses, sistem fail, pengurusan memori, kernel dan pemacu peranti. Teknik moden untuk mesin maya dan bekas aras sistem operasi dibincangkan dan dihuraikan. Isu reka bentuk sistem operasi pelbagai teras dan pelbagai pemproses juga dibincangkan.

This course encompasses the principles of operating systems including process management, file system, memory management, kernel and device drivers. The modern techniques for virtual machine and operating system level container are discussed and elaborated. Multi-core and multiprocessor operating system design issues are also discussed.

ECC3313 Reka Bentuk Sistem Terbenam/ *Embedded Systems Design* 3(3+0)

Prasyarat : EEE3841

Kursus ini meliputi unsur utama dalam reka bentuk sistem terbenam. Penekanan termasuklah reka bentuk perkakasan dan perkukuhan, pemilihan perkakasan, pengujian perkakasan, alat dan perisian pembangunan, pembangunan perkukuhan dan penyahpijatan perkukuhan.

This course covers the main elements of embedded systems design. Emphasis includes hardware and firmware design, hardware selection, hardware testing, development tools and software, firmware development, and firmware debugging.

ECC3613 Komunikasi Optik/ *Optical Communications* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi isu lapisan fizikal dalam talian komunikasi optik termasuk elemen dan fungsi gentian optik. Reka bentuk sistem komunikasi optik ditekankan.

This course covers the physical layer issues of optical communication links including optical fiber elements and functions. Optical communication system designs are emphasized.

ECC3712 Rangkaian Komputer/ *Computer Networks* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip dan pelaksanaan teknologi utama rangkaian komputer. Ia merangkumi protokol di lapisan sambungan data, rangkaian dan pengangkutan dan aplikasi di dalam konteks prestasi dan keanjalan.

This course covers the main principles and technology in computer networks. It comprises data link layer, network, transport and application layers in the context of connection performance and reliability.

ECC3831 Asas Keelektromagnetan/ *Basic Electromagnetism* 3(3+0)

Prasyarat : ENG3002

Kursus ini meliputi tiga elemen penting bagi asas keelektromagnetan, iaitu kalkulus vektor, medan elektrostatik dan medan magnetostatik. Kegunaan menyeluruh dalam pelbagai aplikasi kejuruteraan turut diterangkan.

The course includes three key elements of basic electromagnetism, ie, vector calculus, electrostatic and magnetostatic fields. Overall use in a variety of engineering applications are also described.

ECC3851 Isyarat dan Sistem/ *Signals and Systems* 3(3+0)

Prasyarat : ENG3002

Kursus ini meliputi kaedah berasaskan fungsi matematik bagi membangunkan dan menganalisis pelbagai isyarat dan sistem masa selanjar. Kursus ini mengambil kira domain masa dan frekuensi dengan menggunakan jelmaan Fourier dan Laplace.

This course covers methods based on mathematical functions for developing and analyzing various continuous signals and systems. This course takes into account the time and frequency domains using Fourier and Laplace.

ECC3852 Pemprosesan Isyarat Digit/ *Digital Signal Processing* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip asas dan penggunaan isyarat dan sistem diskret serta pelbagai Jelmaan Fourier Diskret dan Jelmaan-Z. Penekanan kepada teknik reka bentuk dan analisis bagi penuras digit turut diberikan. Kursus ini juga merangkumi perbincangan ke atas aplikasi kejuruteraan yang menggunakan pemprosesan isyarat digit.

This course covers the fundamental principles and applications of digital signals and systems as well as various Discrete Fourier Transform and Z-Transform. Emphasis on design techniques and digital filter analysis are also given. This course also covers a discussion on engineering applications using digital signal processing.

ECC4316 Kecerdikan Buatan/ *Artificial Intelligence* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip dan teori asas kecerdikan buatan termasuk pelbagai kaedah seperti logik kabur, rangkaian neural dan algoritma genetik. Ia juga membincangkan aplikasi kaedah kecerdikan buatan di dalam pelbagai bidang serta penggubalan masalah dan penilaian kaedah kecerdikan buatan.

This course covers the principles and basic theory of artificial intelligence including different methods such as fuzzy logic, neural network and genetic algorithm. It also discusses the applications of the artificial intelligence method in various fields as well as formulation of problem and assessment of artificial intelligence.

ECC4525 Komunikasi Radio Bergerak dan Satelit/ *Mobile Radio and Satellite Communications* 3(3+0)

Prasyarat : ECC3123

Kursus ini meliputi sistem radio bergerak, reka bentuk radio bergerak selular, teknologi dan aplikasi komunikasi satelit, teknik mereka bentuk sistem selular dan pengurusan mobiliti. Sistem satelit orbit dan pengiraan perambatan dan bajet hubungan bagi sistem satelit juga dibincangkan.

This course covers mobile radio system, cellular mobile radio design, technology and applications of satellite communication, design techniques of cellular system architecture and mobility management. Orbital system satellite and its calculation for propagation as well as link budget for satellite system are also explained.

ECC4948	Projek Reka Bentuk Sistem Komputer dan Komunikasi/ <i>Computer and Communication Systems Design Project</i>	4(0+4)
---------	---	--------

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi projek reka bentuk bersepadu berorientasikan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi bagi pelbagai disiplin. Proses reka bentuk yang melibatkan kajian pasaran, perancangan dan pelaksanaan projek, pemodelan dan simulasi, analisis kos, pembangunan dan pengujian prototaip dibincangkan. Aspek kesihatan dan keselamatan awam, kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi, dan persekitaran ditekankan.

The course covers computer and communication systems engineering oriented capstone design project for multidisciplinary. Design processes involving market study, project planning and execution, modelling and simulation, cost analysis, prototype development and testing are discussed. Aspects of public health and safety, culture, society, economics, and environment are emphasized.

ECC4121	Kelestarian dalam Teknologi Telekomunikasi/ <i>Sustainability in Telecommunication Technology</i>	3(3+0)
---------	---	--------

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep kelestarian di dalam bidang Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi. Ia juga memfokuskan kepada teknologi elektronik untuk cekap tenaga dan pertumbuhan lestari. Penggunaan dan penambahbaikan tenaga juga dibincangkan.

This course covers the concept of sustainability in the field of Computer and Communication Systems Engineering. It also focuses on electronic technologies for energy efficient and sustainable growth. Energy consumption and improvement are also discussed.

ECC4217	Web dan Pangkalan Data/ <i>Web and Database</i>	3(3+0)
---------	---	--------

Prasyarat : ENG3202

Kursus ini meliputi bahasa pengaturcaraan internet yang melibatkan bahasa penanda hiperteks (HTML) dan helaian gaya lata (CSS). Teknik-teknik pengaturcaraan antara pihak klien dan pelayan turut diterangkan. Kursus ini juga meliputi konsep pangkalan data, model hubungan pangkalan data, bahasa pertanyaan dan pemprosesan. Reka bentuk dan aspek keselamatan pangkalan data juga dibincangkan.

This course covers internet programming language which include Hypertext Markup Language (HTML) and cascading Style Sheet (CSS). Client-server programming techniques are also elaborated. This course also covers database concepts, relational models of database, query languages and processing. Designing and security aspects of database are also discussed.

ECC4218	Pengaturcaraan Kejuruteraan Lanjutan/ <i>Advanced Engineering Programming</i>	3(3+0)
---------	---	--------

Prasyarat : ENG3202

Kursus ini meliputi kaedah pengaturcaraan lanjutan kejuruteraan berasaskan beberapa paradigma. Penekanan diberikan kepada konsep pengaturcaraan penguliran berbilang, rangkaian, objek jauh, soket, berasaskan acara, berorientasikan objek dan unit pemprosesan grafik.

This course covers advanced engineering programming methods based on several paradigms. Emphasis is given on multithreading, networking, remote object, socket, event based, object oriented and graphic processing unit programming.

ECC4271 Seni Bina dan Pengurusan Data Raya/ *Big Data Architecture and Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi amalan terbaik di dalam pengurusan data raya moden termasuk seni bina, pemodelan, reka bentuk, simpanan, operasi, integrasi dan kebolehooperasian, pengurusan metadata, kualiti, keselamatan, gudang data dan sandaran. Pendekatan dan pelantar pemprosesan moden data raya juga diberikan bertujuan untuk data visualisasi dan analitik.

This course covers best practices in modern big data management including architecture, modelling, design, storage, operation, integration and interoperability, metadata management, quality, security, data warehouse and backup. Modern big data processing approaches and platforms are also provided for the purpose of data visualization and analytics.

ECC4308 Pembelajaran Mesin/ *Machine Learning* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi prinsip, teori asas, isu dan seni bina pembelajaran mesin yang merangkumi beberapa kaedah keputusan pokok dan rangkaian neural. Ia juga membincangkan aplikasi kaedah pembelajaran mesin di dalam pelbagai bidang kejuruteraan beserta formulasi masalah dan penilaian.

This course covers the principles, basic theory, issues and architectures of machine learning methods which includes several decision trees and neural network based methods. It also discusses the applications of the machine learning methods in various engineering fields as well as formulation of problem and assessment of the system.

ECC4315 Sistem-Atas-Cip/ *System-On-Chip* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada strategi reka bentuk bersama perkakasan-perisian untuk sistem-atas-cip. Ini termasuk kaedah reka bentuk bersama, kawalan dan aliran data, pembahagian perkakasan-perisian, integrasi teras harta intelek (IP), strategi pelaksanaan, pengesahan fungsi dan penilaian prestasi serta kajian kes sebenar reka bentuk sistem-atas-cip.

This course focuses on the hardware-software co-design strategies for system-on-chip (SoC). This includes the co-design methodologies, control and data flow, hardware-software partitioning, intellectual property (IP) core integration, implementation strategies, functional verification and performance evaluation and case study of a real SoC design.

ECC4317 Robot Berautonomi/ *Autonomous Robots* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan seni bina perkakasan dan perisian sistem robot autonomi. Ini termasuk merasakan persekitaran, prestasi tugas dan navigasi autonomi. Reka bentuk dan pengujian robot autonomi pada perkakasan dan simulator sebenar juga dibincangkan.

This course introduces hardware and software architectures of autonomous robot systems. It includes sensing the environment, task performance and autonomous navigation. The design and testing of autonomous robot on real hardware and simulator are also discussed.

ECC4413 Sistem Imej/ *Imaging System* 3(3+0)

Prasyarat : ECC3852

Kursus ini menekankan prinsip penglihatan manusia, penerima imej, paparan imej, elemen-elemen sistem pemprosesan imej digital dan pemampatan yang digunakan di dalam sistem imej dan video. Konsep pemprosesan imej digital dalam domain masa dan domain frekuensi serta aplikasi pemprosesan imej digital dalam pelbagai bidang juga dibincangkan.

This course focuses on principles of human vision, image sensors, image displays, elements of a digital image processing system and compression used in image and video system. Digital image processing concepts in time domain and frequency domain as well as the application of digital image processing in various fields are also discussed.

ECC4516 Teknologi Rangkaian Capaian/ *Access Network Technologies* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi teknologi rangkaian capaian yang merangkumi teknologi wayarles, berwayar, optik gentian, radio-atas-gentian optik dan optik ruang bebas. Perancangan seni bina dan teknologi capaian bergerak juga dibincangkan.

This course covers access network technologies including wireless, wired, fiber optic, radio-over-fiber and free space optic. Architecture and planning of mobile access technology are also discussed.

ECC4518 Antena dan Perambatan/ *Antenna and Propagation* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi teori dan prinsip untuk mereka bentuk pelbagai jenis antena serta teknik pengukuran antena dan perambatan gelombang. Model dan parameter yang mempengaruhi perambatan gelombang elektromagnetik dibincangkan.

This course covers the theory and principle of designing different types of antenna as well as techniques of antenna measurement and wave propagation. Models and parameters that affect the electromagnetic wave propagation are also discussed.

ECC4612 Peranti Fotonik/ *Photonic Devices* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi peranti utama teknologi fotonik yang memberi penekanan kepada pelbagai aplikasi terutamanya dalam bidang komunikasi. Penekanan yang diberikan termasuklah prinsip operasi, ciri, reka bentuk, dan aplikasi setiap peranti.

This course covers the main devices of photonic technology which emphasizes various applications particularly in the field of communications. Emphasis given includes principle of operation, characteristics, design, and applications of each device.

ECC4715 Internet Benda/ *Internet of Things* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi asas, seni bina rangkaian dan reka bentuk Internet Benda yang menggabungkan kesambungan objek pintar. Lapisan rangkaian, protokol aplikasi dan analisis data

untuk Internet Benda juga dirangkumi. Kajian kes Internet Benda industri untuk aplikasi industri adalah disediakan.

This course covers Internet of Things (IoT) fundamental, network architecture and design incorporating smart objects connectivity. IoT network layer, application protocols and data analytics are also covered. The case study of Industrial IoT (IIoT) for industrial applications is provided.

ECC4716 Teknologi Rangkaian Teras/ *Core Network Technologies* 3(3+0)

Prasyarat : ECC3613

Kursus ini merangkumi pelbagai teknologi dan sistem yang digunakan di dalam rangkaian teras. Ia merangkumi rangkaian teras IP, penghantaran tetulang dengan SDH, MPLS, SDN/NFV untuk kemayaan rangkaian. Reka bentuk teknologi rangkaian teras termaju juga dibincangkan.

This course covers various technologies and systems used in the core networks. It covers the IP core networks, backbone transmission with SDH, MPLS, SDN/NFV for network virtualization. Designs of the advanced core network technologies are also discussed.

ECC4717 Keselamatan Komputer dan Rangkaian/ *Computer and Network Security* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi keselamatan komputer dan rangkaian, termasuk teknik-teknik penyulitan dan penyahsulitan. Keselamatan sistem pengoperasian, aturcara, rangkaian dan pangkalan data serta teknik-teknik keselamatan termaju juga dibincangkan.

This course covers the topics on computer and network security, including techniques of encryption and decryption. Operating system, program, network and database security as well as advanced security techniques are also discussed.

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan/ Department of Mechanical and Manufacturing Engineering

EMM3116 Statik/ *Statics*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah statik. Penekanan diberi kepada skalar dan vektor, sistem daya, keseimbangan zarah, keseimbangan jasad tegar, analisis struktur, geseran dan sentroid dan momen inersia.

This course covers the basic concepts, theories and methods of solving static problems. Emphasis given on scalar and vector, force system, equilibrium of particle, equilibrium of rigid body, structural analysis, friction and centroid and moment of inertia.

EMM3105 Dinamik/ *Dynamics*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah dinamik untuk zarah dan jasad tegar. Kursus ini memberi penekanan kepada kinematik dan kinetik zarah, dan jasad tegar.

This course covers the basic concepts, theories and methods to solve problems in dynamics for a particle and rigid bodies. This course focuses on planar kinematics and kinetics.

EMM3122 Bahan Kejuruteraan I/ *Engineering Materials I*

2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi bahan kejuruteraan dengan penekanan diberikan kepada sifat mekanikal dan fizikal bahan. Selain itu, kursus ini juga membincangkan tentang struktur pepejal, pemejalan aloi, gambarajah fasa, rawatan haba aloi logam, bahan bukan logam, kegagalan dalam bahan ferus, kakisan dan perlindungan logam, teknik pemeriksaan bahan dan lain-lain lagi.

This course covers the engineering materials with the emphasis on mechanical and physical properties of materials. In addition, this course discusses solid structure, alloy solidification, phase diagrams, heat treating metal alloys, non-metallic materials, failure in ferrous materials, corrosion and metal protection, material inspection techniques etc.

EMM3213 Termodinamik I/ *Thermodynamics I*

3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah yang berkaitan termodinamik. Topik yang dibincangkan adalah hukum termodinamik pertama, proses tak alir, proses aliran, amalan proses aliran, hukum termodinamik kedua dan korolari hukum termodinamik kedua.

This course covers the basic concepts, theories and methods of solving problems related to thermodynamics. Topics discussed are the first law of thermodynamics, non-flow processes, flow processes, flow processes in practice, the second law of thermodynamics and corollaries of the second law

EMM3214 Termodinamik II/ *Thermodynamics II*

3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi komponen asas, teori dan kaedah penyelesaian masalah termodinamik gunaan dengan penekanan terhadap kitaran tenaga gas dan wap dalam enjin pembakaran dalaman dan loji kuasa gas turbin. Konsep pemindahan haba juga dibincangkana secara asas. Aplikasi kepada sistem kitar Carnot berbalik dalam sistem pam haba, penyejukan, mekanisma sistem penyamanan udara and menara penyejuk.

This course covers the basic concepts, theories and methods of solving applied thermodynamics problems with the emphasis on gas and vapor power cycles in internal combustion engine and gas turbine power plant. The concept of heat transfer is also discussed fundamentally. Application to

reversed Carnot cycle in heat pump, refrigeration and the mechanisms of air-conditioning system and cooling tower.

EMM3305 Mekanik Bendalir I/ *Fluid Mechanics I* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori mekanik bendalir dengan penekanan kepada statik, kinematik dan dinamik bendalir serta pengenalan kepada pam dan turbin. Ia juga membincangkan persamaan tenaga, tekanan, momentum disebabkan aliran bendalir, analisis dimensi, aliran di dalam paip dan teori lapisan sempadan.

This course covers the theory of fluid mechanics with emphasis on static, kinematics and fluid dynamics as well as introduction of pump and turbine. It also discusses the energy equation, pressure, momentum due to the fluid flow, dimensional analysis, flow in pipes and boundary layer theory.

EMM3306 Mekanik Bendalir II/ *Fluid Mechanics II* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kajian analisis pengkamilan aliran bendalir, penyelesaian anggaran persamaan Navier-Stokes, aliran boleh mampat dan mesin turbo. Ia juga meliputi aplikasi pelinciran dan pengenalan kepada Komputasi Dinamik Bendalir (CFD).

This course covers the study of differential analysis of fluid flow, approximate solution of the Navier-Stokes equation, compressible flow and turbomachinery. It also covers the lubrication application and an introduction to Computational Fluid Dynamics (CFD).

EMM3409 Kekuatan Bahan I/ *Strength of Materials I* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas, teori dan kaedah untuk menyelesaikan masalah kekuatan bahan dengan penekanan kepada sifat-sifat mekanik bahan, tegangan, mampatan, lenturan, kilasan, dan tekanan. Selain itu, kursus ini juga membincangkan tekanan ekapaksi, pesongan rasuk dan transformasi tegasan dan terikan.

This course covers the basic concepts, theories and methods for solving strength of materials problems with emphasis on the mechanical properties of materials, tensile, compression, bending, torsion and stress. In addition, the course also discusses the uniaxial pressure, beam deflection and transformation of stress and strain.

EMM3410 Kekuatan Bahan II/ *Strength of Materials II* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi secara terperinci tentang konsep dan teori serta kaedah penyelesaian masalah kekuatan bahan dengan memberi penekanan kepada lenturan, lengkokan, kilasan aci tak bulat dan tegasan terma. Ia juga membincangkan kegagalan disebabkan oleh retak, kelesuan, rayapan dan aplikasi tegasan satah.

This course covers detail concepts, theories and methods for solving strength of materials problems with the emphasis on the bending, buckling, torsion of non-circular shaft and thermal stresses. It also discusses the failure due to fracture, fatigue, creep and application of plane stress

EMM3530 Reka Bentuk Kejuruteraan/ *Engineering Design* 4 (2+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas reka bentuk komponen dengan penekanan pada kaedah reka bentuk lestari. Kejuruteraan berbantuan komputer (CAE). Pelajar akan diberi projek dengan mempertimbangkan aspek komponen reka bentuk serta menekankan pentingnya hak paten dan harta intelek.

This course covers the engineering design process basic concepts of machine component with the emphasis on sustainability design. and the use of Computer aided engineering (CAE). Students will be given a project in which need to consider the aspects of design components.as well as emphasizing the importance of patents and intellectual property rights.

EMM3532 Instrumentasi Dan Kawalan/ *Instrumentation And Control* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah instrumentasi dan kawalan dengan penekanan kepada pembinaan model sistem yang sesuai. Di samping itu, ianya juga mengenal pasti pemilihan instrumen yang berkesan, analisis kestabilan dan peningkatan sistem kawalan.

This course covers the concepts and methods of instrumentation and control with emphasis on constructing appropriate system models. In addition, it also identifies effective instrument selection, stability analysis, and improvement of the control system.

EMM3534 Mekanik Mesin/ *Mechanics of Machines* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori asas serta kaedah penyelesaian masalah kompleks melibatkan mesin salingan, dan sistem penghantaran kuasa. Kursus ini juga menekankan kaedah penyelesaian sistem dinamik rotor seperti putaran aci, pengimbangan jasad berputar dan giroskop.

This course covers the basic concepts, theories and methods for solving complex engineering problems involving reciprocating machines, and power transmission system. The course also emphasizes on solving problems related to the rotordynamic system such as whirling of shafts, balancing of rotating bodies and gyroscope.

EMM3536 Getaran Mekanikal/ *Mechanical Vibration* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pembelajaran asas sistem getaran mekanikal seperti tak teredam dan teredam, getaran bebas dan getaran paksa. Di samping itu, kursus ini juga merangkumi pembelajaran sifat-sifat sistem bergetar seperti keortogonan dan matriks ragaman, persamaan Lagrange, dan pengenalan kepada kawalan getaran.

This course covers the fundamental study of mechanical vibration such as undamped and damped, free and forced vibrations. In addition, this course also covers the study of properties of vibrating systems such as orthogonality and modal matrix, Lagrange's Equation, and introduction to vibration control.

EMM3618 Keselamatan dan Kesihatan dalam Perindustrian/ *Industrial Health and Safety* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah keselamatan dan kesihatan dalam industri. Penekanan diberikan kepada punca bahaya serta kawalan dan penyelesaiannya.

This course covers the concepts and methods of safety and health in the industry. Emphasis is given on the sources of hazards and its control and solutions.

EMM3724 Teknologi Pembuatan dan Proses/ *Manufacturing Technology dan Processes* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan aplikasi proses pembuatan dalam industri pembuatan. Ini termasuk proses pembentukan bahan logam dan bukan logam.

